# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 36 | RABU 3HB SEPTEMBER, 1980. | رابو 22 شوال 1400 | PERCHUMA




GAMBAR atas kelihatan penuntut2 Brunei di-United Kingdom mengalu2kan keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ka-Majlis tersebut.

# JAUHKAN PERBUATAN2 YANG BERTENTANGAN DGN AJARAN2 ISLAM – Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 Brunei yang belajar di-sebberang laut di-ingatkan supaya terus berwaspada pada menjaga nama baik Negeri Brunei dan sentiasa menjauhkan diri dari perbuatan2 yang bertentangan dengan kepentingan Negeri Brunei dan ajaran2 Ugama Islam saperti yang di-amalkan di-negeri ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika bertitah di-Majlis Persantapan sempena memperingati Hari Keputeraan Baginda yang ke-34 tahun yang di-anjorkan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, saterus-nya mengingatkan supaya mereka melipatgandakan usaha serta ketabahan pada menghadapi sa-barang kesulitan dan rintangan dalam menchapai matalamat2 yang di-hajati.

Baginda Yang Dipertuan seterus-nya menitahkan bahawa dalam menghadapi masa depan yang penoh dengan chabaran, negeri kita akan memerlukan banyak tenaga yang terpelajar, yang berkemahiran serta berpengalaman dalam beberapa lapangan pekerjaan kerana Allah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menguchapkan tahniah kapada penuntut2 yang menchapai kelulusan pada tahun ini dan kapada mereka yang sedang melanjutkan pelajaran. Baginda berharap supaya akan bersunggoh-sunggoh menumpukan usaha semata2 untok menuntut pelajaran sa-hingga menchapai kejayaan.

Terdahulu dalam titah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melahirkan kegembiraan bahawa penuntut2 Brunei yang belajar di-United Kingdom sedang meneruskan daya usaha pada memperolehi ilmu pengetahuan dalam berjenis2 bidang yang berguna pada Negeri Brunei.

Turut hadhir di-Majlis pada malam itu ia-lah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan lain2 pembesar2 negara.

## Azam penuntut2 untok mengisi kemerdekaan yg di-titahkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghantaran penuntut2 ka-seberang laut dan melateh anak2 tempatan yang berkebolehan lagi jujor serta taat setia ada-lah merupakan satu pengorniaan yang sangat besar erti-nya.

Ini menjadi azam dan tekad penuntut2 berkenaan untok menggunakan peluang2 yang di-anugerahkan pada memperolehi ilmu pengetahuan di-berbagai-bagai bidang sesuai dengan perkembangan dan pembangunan yang sedang di-laksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terutama pada mengisi kemerdekaan yang di-titahkan.

Demikian antara lain ikrar yang di-lafazkan oleh Yang Dipertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Ak Mohd Salleh bin Pg Othman, ketika menyembahkan uchapan di-majlis keshukoran dari penuntut2 dan bekas penuntut2 di-UK kapada Kebawah DYMM sempena puja usia Baginda yang ke-34 tahun.

Dalam majlis yang telah di-langsongkan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini malam Ahad, Ak Mohd Salleh menambah kata, semoga dengan azam dan tekad demikian dan dengan limpah rahmat Allah s.w.t. akan dapat-lah mereka menyembahkan khidmat dengan jujor dan ikhlas kapada Baginda dan Kerajaan Baginda menurut ajaran Ugama Islam untok bangsa dan tanah ayer.

Awangku Mohd Salleh juga berdatang sembah dengan menyatakan keshukoran bahawa dengan ada-nya pegawai anak tempatan yang bertugas di-Rumah Brunei dan di-bangunan baru Agensi Kerajaan Brunei di-London telah memperlihatkan Baginda dan Kerajaan Baginda tidak kendor-kendor untok menjaga kepentingan dan kesejahteraan penuntut2 Brunei di-sana.

Hal tersebut kata-nya, akan menambahkan keadaan dan kesejahteraan mereka di-sana dengan lebeh sempurna lagi dari masa ini yang sudah samemang-nya meningkat baik dan terator.

Yang Dipertua Penuntut2 itu juga menyatakan bahawa dengan ada-nya pegawai berkenaan maka suatu penjagaan dan asohan itu ada-lah bergantong rapat dengan perasaan muhibbah dan saling mengerti, terutama bagi mereka yang jauh dari keluarga satentu-nya perasaan indong-indongan sangat2 di-perlukan.

Di-samping itu mengenai dengan alaun sara hidup penuntut-penuntut, Ak Mohd Salleh berdatang sembah dengan menjunjong kaseh kapada Baginda kerana dengan limpah kornia Baginda alaun berkenaan telah di-naikkan di-samping mereka menerima anugerah dari kemudahan2 yang di-berikan di-Rumah Brunei.

Akhir-nya Awangku Mohd Salleh menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi dan tidak tumpah barang sa-titek jua terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis pada malam itu di-akhiri dengan bachaan doa selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Abd Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei.

## K'jaan sediakan $10 juta untok memajukan bidang pertanian

KILANAS. — Sa-jumlah tidak kurang dari $10 juta telah di-luluskan oleh kerajaan bagi faedah2 memajukan bidang pertanian di-negeri ini bagi tahun 1980.

Jumlah yang begitu besar memboktikan betapa kerajaan sangat mengambil berat tentang kepentingan pada memperkembangkan bidang pertanian pada mengukohkan ekonomi negara.

Demikian telah di-tekankan oleh Pengiran Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar ketika bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan Expo Pertanian yang telah di-adakan di-Steshen Pertanian Kilanas pada hari Ahad yang lepas.

"Saya tidak-lah berhajat untok menyatakan sa-chara detail satu persatu ranchangan-ranchangan yang sedang di-ranchangkan oleh kerajaan melalui Jabatan Pertanian-nya, tetapi satu perkara yang relevan dengan thema Expo ini ia-lah perkembangan2 yang sedang berjalan di-Sinaut melalui Pusat Latehan Pertanian yang di-anjorkan bersama oleh Kerajaan DYMM dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad", sabda-nya lagi.

Lihat muka 18

## Dato Abd Rahman hadhiri kursus hal-ehwal diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, bekas Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awg Abd Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib telah di-pileh sa-bagai salah saorang anak tempatan yang julong2 kali-nya akan menghadhiri satu kursus dalam hal ehwal Diplomatik di-Oxford University, United Kingdom salama sa-tahun mulai bulan September ini.

Berikutan dengan pemilehan ini, Dato Setia Awang Abd Rahman telah pun di-tukar ka-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik mulai 4hb Ogos lalu, khusus untok mensesuaikan diri-nya dengan kerja2 yang sedang di-usahakan oleh jabatan tersebut. Beliau di-jangka bertolak ka-London pada 18hb September ini.

Dato Setia Awang Abdul Rahman ada-lah salah saorang Pegawai Pentadbir Kanan di-dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah menjawat jawatan Pengarah Perjawatan sejak 1hb Ogos, 1975.

Dengan penukaran itu juga, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankan lantekan Y.B. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman sa-bagai Pengarah Perjawatan mulai 1hb Ogos, 1980.

Sa-lain dari Dato Setia Awg Abdul Rahman, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga telah memperkenankan supaya kursus yang sama juga akan di-ikuti oleh Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud, sa-orang Pegawai Pentadbir Kanan yang pada ketika ini bertugas di-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-London.

### Manis-nya Iman

"JIKA Allah menghendaki kebaikan bagi saorang hamba-Nya, di-segerakan-Nya siksaan atas dosa2 hamba-Nya itu di-dunia ini juga. Dan jika Allah menghendaki keburokan bagi hamba-Nya, di-tanggohkan-Nya siksaan atas dosa-nya sahingga di-balas-Nya pada hari kiamat."—HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Anas (r.a.)

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

3HB SEPTEMBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SEKALI LAGI PENUNTUT2 SEBERANG LAUT "DI-BARJAH"

PENUNTUT2 Brunei di-seberang laut terutama-nya di-negara2 yang bukan Islam saperti United Kingdom sekali lagi di-ingatkan, malah di-"barjah" supaya tidak akan "mudah terlupa" akan identiti negara mereka yang berteraskan Islam dalam arus kehidupan di-negara2 di-mana mereka menuntut dan sa-bagai penchari ilmu pengetahuan yang berguna untok bangsa dan negara mereka. Di-tekankan kapada mereka akan fungsi2 penting dan utama yang mereka itu di-beri peluang ke-emasan untok berhijrah sementara keluar negeri dalam konteks yang semata2 untok mengisikan ilmu di-dada dan menjadikan diri mereka itu sa-bagai orang2 yang berilmu dan berkemahiran yang kemudian-nya akan di-sumbangkan untok menyempurnakan pembangunan bangsa mereka dan negara mereka. Terutama-nya kapada penuntut2 Islam sering benar di-peringatkan supaya melihat diri sendiri, menilai identiti sendiri, melihat kehendak negara sendiri dan mensebatikan dalam diri sendiri terhadap teras negara mereka yang terus mengharongi zaman untok membiasakan raayat dan pendudok di-dalam-nya membangun atas lunas2 keIslaman. Bagi penuntut yang bukan Islam pula tidak bermakna yang mereka itu dapat mengasingkan diri dari identiti Brunei itu, jauh sekali untok membelakangkan kepentingan2 moral negara.

Sepatut-nya, peringatan2 dan barjahan2 yang sa-demikian itu tidak payah lagi di-ajukan kapada mereka jika di-padankan kapada latar-belakangan ilmu mereka, apa lagi mereka itu telah di-kira sa-bagai orang2 yang sudah sebati benar akan budi dan daya kampong halaman di-mana mereka tumboh, di-besarkan dan menerima pendidekan asas sa-bagai "jalama Brunei yang berbudi pekerti". Akan tetapi, peringatan2 dan barjahan2 yang sa-umpama itu, ada kala-nya di-pandang sa-bagai satu subjek yang perlu bila mengenangkan yang mereka itu di-hijrahkan sementara dari satu alam yang biasa menyelubongi hidup mereka ka-satu alam yang baru bagi mereka. Akan lebeh di-pandang penting di-ketika mereka berhadapan dan terdedah kapada gejala2 yang boleh menjejaskan identiti mereka dan menggoyangkan iman mereka. Keadaan yang boleh saja menjadikan mereka itu terlupa akan diri mereka, hilang ingatan kapada kehormatan negara, hilang ingatan terhadap pesan ayah bonda, hilang ingatan terhadap budi dan daya bangsa ia-lah di-ketika mereka berada dalam satu suasana asing di-mana akhlak bukan menjadi perhitongan yang utama. Kerendahan akhlak di-negara2 Barat bukan-lah satu isu yang baru, malah ia menjadi satu kebimbangan yang bukan kepalang di-kalangan pemimpin2 di-negara2 itu sendiri sa-telah menyedari bahawa gejala2 akhlak yang burok bakal meruntohkan diri mereka sendiri. Kandatipun demikian, krisis2 akhlak ini sa-olah2 menjadi satu "rebolisi" yang sukar di-bendong, kerana ia sa-olah2 "kulat" yang bukan saja boleh tumboh di-tanah, malah di-atas2 pokok, di-atas rumah, di-dinding2 dan sa-umpama-nya. "Kulat" ini juga ada terdapat di-makanan, pada barang2 dan ada yang sampai kena sebut bahawa "kulat" sudah sampai merayap ka-pejabat2, dan banyak lagi pengistilahan "kulat" yang melambangkan sa-suatu yang tidak baik. Sa-lain dari "kulat", ada juga yang menjadikan "ulat" sa-bagai perlambangan yang tidak baik itu.

Gejala2 yang sa-umpama ini, bukan saja di-ingatkan pada yang biasa di-sebut sa-bagai penuntut, malah siapa saja yang ka-seberang laut sama ada berkursus atau melawat sambil belajar mesti waspada menghadapi-nya jangan sampai runtunan nafsu mengatasi segala2-nya. Dalam hubongan ini, disiplin mestilah di-sebatikan dan iman di-perkuatkan. Disiplin dan iman ini pula bukan-lah sa-takat yang di-nampak2kan pada luaran, tetapi hendak-nya-lah yang dapat di-perlihatkan di-luar itu ada-lah merupakan utusan bathin yang kudus. Dari sini-lah pertolakan benteng kita yang kuat dari di-pengarohi dan di-kotak-taktikkan oleh gelaja2 kemerosotan akhlak yang semakin membimbangkan itu.

# PADA HEMAT SAYA....

### jika ada urusan dengan jabatan:

## MESTI-KAH TERUS KAPADA KETUA-NYA?

**APABILA awda ada urusan dengan mana2 jabatan Kerajaan, siapa-kah orang yang akan awda jumpai: ketua-nya-kah atau memadai sa-takat pegawai dan kakitangan-nya ?**

Tentu-lah urusan awda itu bukan-nya urusan saperti membeli setem, membayar bil letrik dan ayer atau yang sa-umpama-nya. Bukan juga urusan membayar chukai tanah atau membaharui lesen kenderaan dan sa-bagai-nya. Tapi ia-lah urusan yang lebeh mustahak.

Dan kerana mustahak-nya itu awda merasa tidak chukup dengan kata2 bersurat (kalau awda membawa sama surat!), lalu awda pun merasa perlu menghadapkan-nya dengan batang tuboh sa-kali.

Lebeh2 lagi kalau awda memang-nya dari jenis orang2 yang pintar dan tahu akan ma'ana 'datang berjumpa sa-chara batang tuboh' itu. Ketika itu-lah awda tidak menghargakan chara lain saperti mengirim-nya melalui pos atau menumpangkan-nya sa-chara 'by hand'!

Tapi kapada siapa awda mahu berurus itu?

* * *

"BOLEH saja kita uruskan kapada pegawai2 di-sini," sa-orang pegawai memberitahu sa-orang yang datang hendak menemui ketua pejabat-nya. "Inda payah di-jumpakan, kalau kita pichaya, kami di-sini pun dapat jua menyampai dan merundingkan" sambong-nya lagi.

Pegawai tersebut sa-belum-nya telah bertanyakan hajat orang itu. Sa-telah di-beritahu dia pun menganjorkan chara tersebut.

"Inda eh......! Ani perkara mustahak. Lagi pun sudah ku niatkan kan bajumpa kadidia." Orang itu berterus terang menolak.

**Pegawai tersebut kemudian dapat mengesan memang orang itu berhajat benar mahu berjumpa ketua-nya. Hal-nya samalah dengan hal beberapa orang lain sa-belum itu: mahu menghadapkan sa-suatu urusan terus kapada ketua pejabat. Dan biasa-nya, orang saperti itu jarang dapat di-yakinkan untok menyerah dan menyelesaikan perkara-nya dengan pegawai2 yang membantu ketua pejabat dan telah lazim menguruskan urusan pejabat bagi pehak ketua mereka.**

Dengan chara orang itu menolak anjoran-nya tadi, pegawai tersebut sedia faham niat orang itu dari mula sudah muktamad: menjumpai ketua-nya, bukan orang lain dan bukan juga dia.

"Ganya terpaksa tah kita menunggu, sebab di-dalam maseh ada orang." Dia memberi tahu orang itu yang ketua-nya sedang berunding dengan pegawai-pegawai lain di-dalam bilek-nya.

"Inda mengapa ........" orang itu menjawab rengkas dan selamba.

"Atu pun belum tentu sempat, lepas ani dia akan miting lain pula ........" sambong pegawai itu sambil menoleh ka-dinding melihat jam.

"Inda mengapa, chuba2 saja tah kalau sempat nanti." Jawab orang itu sambil turut memandang jam di-dinding. Baru pukol 8.30, dia segera terfikir betapa dalam waktu yang maseh awal begitu ketua pejabat yang hendak di-temui-nya itu sudah sebok. Tentu-lah ketua pejabat sedemikian itu sudah biasa dengan urusan2 yang menyebokkan, kerana itu dia tentu tidak keberatan di-temui dalam waktu sebok-nya.

Dia mengaleh pandang pula kapada pegawai di-hadapan-nya itu. Juga kelihatan sebok membacha, meneliti dan menulis sa-suatu sa-telah membelek2 fail yang baru saja di-masokkan oleh peon. Sa-bentar-sa-bentar talipon di-meja-nya berbunyi dan dia menjawab yang antara-nya terpaksa pula menchatetkan sa-suatu di-kertas lain.

* * *

PINTU bilek ketua pejabat tiba2 terbuka. Dari dalam munchol dua orang pegawai, sa-orang di-antara-nya mengepit fail dan yang sa-orang lagi memegang kepingan2 kertas. Pegawai yang mengepit fail itu kelihatan-nya kenal biasa dengan orang yang sedang dudok menunggu di-hadapan rakan-nya lalu dia menyapa sambil bertanyakan khabar. Tapi orang itu tidak menjawab, sa-balek-nya memberitahukan hajat-nya mahu berjumpa ketua pejabat.

"Mengenai hal apa?" tanya pegawai tersebut sambil mengunjokkan tangan bersalaman.

"Anu dahulu atu bah, ani tah baru kan ku jumpakan" jawab-nya lanchar.

"Ooo. . . .! Pasal permohonan yang kita cheritakan dahulu atu. . . ." sambil menganggok2 pegawai itu memandang pula rakan-nya yang maseh membelek2 fail. "Mun anu atu, inda jua payah ka-siapa2, ani nah. . . . kadidia ani pun dapat kita minta penjelasan mengapa permohonanta atu di-tolak" sambong-nya.

Pegawai yang dari mula lagi menganjorkan supaya orang itu berurusan saja dengan-nya atau dengan rakan2-nya segera teringat yang orang itu pernah menalipon-nya mengenai perkara yang mahu di-jumpakan-nya kapada ketua pejabat-nya itu. Waktu itu dia sudah pun di-beri penjelasan tapi dia tidak puas hati, dan mengatakan akan berikhtiar supaya permohonan-nya yang di-tolak itu di-pertimbangkan semula.

Ketiga2 mereka berpandang-pandangan.

Ketika itu juga ketua pejabat yang hendak di-jumpai itu munchol dari dalam. Beliau kelihatan bergegas2 hendak pergi mashuarat. Tapi melihat ada orang sedang terchegat bersama dua orang pegawai-nya itu dia segera faham lalu mempersilakan orang itu masok sambil dia sendiri berpusing dengan sebelah tangan-nya menyelak pintu.

Kedua2 pegawai yang masing2 sudah 'arif dengan suasana di-pejabat mereka itu tinggal senyum sendirian sambil yang sa-orang berlalu menuju ka-bilek-nya.

* * *

TIDAK sampai lima minit kemudian, orang tersebut kelihatan keluar di-ikuti oleh ketua pejabat. Mereka kelihatan-nya biasa saja sambil saling menguchapkan salam berpisah. Di-tangan ketua pejabat itu ada kertas.

"Ani surat rayuan pasal permohonan-nya yang di-tolak tempoh hari," sambil memandang orang itu surat tersebut di-unjok-nya kapada pegawai pembantu-nya itu. "Miani saja," dia memberitahu orang itu "antadi pun sudah jua saya jelaskan kadikita sebab2 permohonanta atu inda di-luluskan. Kadidia ani kemudian akan menjawab dalam sa-hari dua lagi, tunggu tah ......... !"

**Orang itu terpinga2, entah puas entah *hampa*. Dia merenong ka-muka *pegawai* yang di-arahkan akan *memberi* jawaban itu. Dahulu pun sudah di-dengar-nya melalui perchakapan talipon penjelasan dari pegawai tersebut, penjelasan yang sama saperti yang baru di-dengar-nya dari mulut ketua pejabat yang di-jumpai-nya sa-bentar tadi.**

Demikian-lah satu babak dari banyak kejadian perihal orang berurusan terus dengan ketua2 pejabat.

Apa-kah awda juga akan berurusan sa-chara begitu dan mengalami hal yang sama saperti orang itu — yang terpinga2 entah puas entah tidak.

Pasti-nya akan sama saja kalau awda membuat perhitungan yang sama, ia-itu: konon-nya pegawai2 di-bawah ketua pejabat tidak 'berhak' menyelesaikan urusan awda dengan Jabatan mereka!

Awda sa-patut-nya sedia faham: mana2 Jabatan ada dengan pegawai dan kaki-tangan-nya. Ketua Jabatan ada-lah '*bahandar*' kapada pegawai2 dan kakitangan2-nya itu, ia-itu tepat sa-kali dengan mereka itu di-sebut '*kaki-tangan*' yang membantu-nya.

Apa salah-nya kalau awda juga sudi tumpang '*bahandar*' kapada mereka untok membantu awda dalam satu-satu urusan dengan Jabatan mereka?

Orang yang saperti dalam kejadian tadi elok-lah lain kali mengelak jangan sampai akan terpinga2 lagi.

Dan awda pula pastikan-lah jangan sampai beranggapan yang berurusan terus kapada mana2 ketua pejabat itu akan mendapat 'jasa baik' mereka, dan orang bawahan-nya tidak dapat di-harap akan memberi 'jasa baik' itu. Sebab, perchaya-lah bahawa ketua2 Jabatan tidak-lah rengan melangkahi 'dasar' dan 'peratoran' saperti rengan-nya awda melangkahi pegawai2 pembantu mereka. — *Ketua Pegawai Penerangan.*

***"Orang itu terpinga2, entah puas entah hampa. Dia merenong ka-muka pegawai yang di-arahkan akan memberi jawaban itu....."***

# STATE SECRETARY PRESENTS CERTIFICATES TO STUDENTS

BANDAR SERI BEGAWAN.—The five-day civic course which commenced early last week ended on Thursday.

The course was specially held for Brunei students studying overseas.

The State Secretary, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, at the closing ceremony, presented the certificates to the participants.

The ceremony having taken place at the Youth Centre here, included the Koran reading and speeches by the Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, and representatives of the students.

During the course, the participants attended the lectures on Brunei development by the senior government officers and did the voluntary work in two districts.

On August 25, several representatives from the government departments gave lectures on various aspects of the government administration.

An officer of the Legal Department, Awang Kifrawi bin Kifli, spoke on the Brunei government structure.

And another talk on the maintenance of security in Brunei was given by the Head of the Special Branch of the Royal Brunei Police Force, Dato Paduka Awang Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd Rahim.

The opening ceremony of the course was held on August 24, and the General Advisor to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan addressed the students.

The course was jointly organized by the Information Section of State Secretariat and the departments of the Religious Affairs, Education and Welfare, Youth and Sports.

The heads of these departments or their representatives attended the closing ceremony.

A group of overseas students who are now on vacation here launched a clean-up campaign as part of the civic course at Bangar, Temburong, on Wednesday.

The places cleaned by them included the Utama Mohd Salleh Mosque compound, shop-houses, bus-stops and taxi-stands.

They also built a new taxi-stand in the town.

On August 26, another batch of overseas students washed the open air market along Jalan Residency.

About 150 students studying overseas who are holidaying in Brunei attended the civic course.



**THE State Religious Affairs Officer shake hands with the students studying overseas during the civic course (above). The students are seen here involved in a clean-up campaign at Bangar, Temburong.**





**AWANG Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman receiving the cheque from Mr Sandy.**

## City and Guilds Exams

BANDAR SERI BEGAWAN. —The office of the Board of Examinations is making arrangements to hold the City and Guilds Examinations for December this year series in certain subjects.

Application forms are obtainable from the Principals of Sultan Saiful Rizal School of Building, Jalan Muara; Pusat Latehan Teknikal, also Jalan Muara; Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait and from Head of Trading Department, Vocational Trades School, BSP Co Ltd., Seria.

Private candidates are also welcome to sit for the exams. They may now obtain the forms from the office of the Board of Examinations here until September 15.

The exam fees are to be made in cash or bank cheques to the Board of Exams.

All the completed forms have to reach the office of the Board of Exams here before September 15.

Late entries will not be entertained.

## New English programme

BANDAR SERI BEGAWAN. —A new English radio programme will be broadcast very soon.

It will be jointly produced by the Radio Television Brunei and the Education Department and is aimed at raising the English standard of the students in Brunei.

The officials of these two departments held a meeting on Thursday morning to discuss the production of a programme titled "The Battle of Words".

Fourteen schools will send their students to take part in the programme, which will be divided into two sections, one is for Forms 4, 5 and 6; and another one, for Forms 1, 2 and 3.

Recordings of the programmes will be made on Thursdays, at RTB's Dewan Raya and will be broadcast over the English Service of Radio Brunei on Sundays.

## *Shell donates $20,000*

BANDAR SERI BEGAWAN. —The Brunei Shell Petroleum Company last week donated a sum of $20,000 to the Brunei government as bursaries.

The Shell Trade Relations Officer, Mr Sandy Livingstone, handed over the cheque to the Chief Scholarship and Welfare Officer, Awang Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman at the Scholarship's Office here.

Meanwhile, the company last week announced the award of 20 new bursaries for upper secondary students in the country.

Out of these bursaries, five are for the Higher School Certificate pupils, and the remaining 15 are for candidates of the Brunei Certificate of Education.

Each student will obtain $500 from the company.

And, the company has also renewed the five HSC and 15 BCE bursaries offered to last year's students.

The following five received HSC awards :

Awang Muhammad Aristoteles bin Momin, Dk Rosita bte Pg Abdullah, Dayang Marinah bte Mulok, Dayang Siti Fatimah bte Mat Yusop and Awang Suni bin Sulaiman, all of Sixth Form Centre.

BCE awards were presented to :

Ak. Masri bin Pg Kalong, Awang Hamidon bin Md Said and Awang Ismail bin Lampoh, Sultan Omar Ali Saifuddin College; Dayang Zainab bte Omar of Anthony Abell College, Seria; Dayang Linda Luah Lian Oi, Dayang Mata bte Johari of Perdana Wazir English School, Kuala Belait; Awang Md. Kamaluddin bin Haji Abdul Rahman of Berakas English School; Awang Danan bin Umar, Dayang Loo Moi Choi and Awang Saif bin Antaran of Sufri Bolkiah English School, Tutong; Dayang Lee Chiew Moi, St. Angela's Convent, Seria and Awang Yapp Kim Fatt of St Michael's School, Seria.

The bursaries which have been awarded since 1950's are aimed at helping the promising and needy students to complete their studies, and expressing BSP's continued support to the government education programme.

In addition to awarding the bursaries, the company also offers scholarships in conjunction with the Scholarship and Welfare Committee of the Education Department to enable Brunei students to further their studies overseas.

## Religious course for soldiers

BANDAR SERI BEGAWAN. — About 16 soldiers from various units of the Royal Brunei Malay Regiment are currently attending a basic religious course.

The course lasting for two weeks is being conducted by a religious teacher of the regiment, Ustaz Ahmad bin Haji Mokhtar.

Being held at the madrasah of the regiment's first battalion, the course is on 'Fardhu Ain' and 'Fardhu Kifayah.'

The First Commanding Officer, Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Lt Kol Dato Paduka Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir declared open the course early last week.

It is the second time that the course has been held and the third one will take place in December.

Meanwhile, a group of pilgrims who performed the Haj last year presented gifts to the Religious Affairs Department last week.

The presents including two wheel chairs and two sets of loudspeakers are worth about $4,000.

These gifts will be for the use of intending pilgrims.

## More donations for charity

BANDAR SERI BEGAWAN. — The government is receiving more donations for charity.

Last week, a businessman here, Awang Lim Gim Kok, made a contribution of $2,000 to two fire victims who lost their houses lately.

Kampong Lambak's resident, Awang Hassan bin Latif, and Awang Hassan bin Said of Kampong Setia B, each received $1,000.

Meanwhile, three more contributions were received by the Brunei-Muara Orphans Fund.

These donators are Ak Melody bin Pg Ghani, the staff, teachers and students of the Cultural and Handicraft Training Centre in Jalan Kota Batu, who donated $232.

And the staff of the Cooperative Development Department also contributed $200.

Another fire victim, the Imam of Kampong Telisai Mosque, Awang Sabtu bin Abu Bakar, on Wednesday received two donations of about $3,800.

His house was also in flames recently.

One of the contributions, $1,060, came from the staff of the Satellite Station in Telisai and Harris International Telecommunications.

Another gift in cash, more than $2,700, was presented by the villagers.

And Awg Irwan bin Mohd Said, who has won the singing fame recently, also donated $200 to the Tutong District Orphans Fund on Wednesday.

The money was given to the Fund's Secretary, Awg Adnan bin Haji Hanafiah.

Awg Irwan is the champion of this year's RTB Mini-Star Singing Contest.

## Birthday reception

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan and Yang Dipertuan urged the Brunei students studying overseas not to be involved in any activities against the interests of Brunei.

He was speaking at a reception organised by the Brunei Students Union in UK to celebrate his 34th birthday, at the Dewan Persantapan here on Saturday night.

He stressed that Bruneians studying overseas should make endeavour to uphold the good name of their country and whatever they do should not be against the teachings of Islam.

## Regatta on Tutong River

TUTONG. — A regatta will be held on September 17 on the Tutong river.

The event is to celebrate the birthday of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan.

The races include the paddling boats and speed boats.

The entry forms will not be considered after September 12.

Meanwhile, the badminton tournament will also be held on September 20 at the Youth Centre in the capital.

The contest, for celebrating the royal birthday, is being organized by the Brunei National Badminton Association.

The closing date for the entries is fixed on September 6.

# $20 ribu untok biasiswa dari Sharikat Minyak Shell

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 20 lagi biasiswa telah di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei kapada penuntut2 di-negeri ini.

Biasiswa yang di-peruntokkan bagi pelajar2 ini di-berikan sa-bagai salah satu langkah sharikat tersebut di-dalam menyukong ranchangan pelajaran yang di-kendalikan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran bagi membolehkan penuntut2 melanjutkan pelajaran mereka.

Pengumoman pemberian ini di-buat oleh Awang Sandy Livingstone, Penasihat Perhubongan sharikat tersebut dalam satu majlis penyampaian chek yang bernialai $20,000 untok tujuan itu.

Menerima chek tersebut ia-lah Awg Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pegawai Kebajikkan dan Dermasiswa dengan di-saksikan oleh Awg Shariff bin Haji Naweh, salah sa-orang pegawai daripada bahagian penerangan sharikat tersebut.

Di-samping biasiswa2 yang tiap2 satu bernilai $500 ini, sharikat tersebut telah juga melanjutkan biasiswa yang di-terima oleh penuntut2 tahun lepas.

Nama2 pelajar yang menerima biasiswa Sijil Tinggi Pelajaran ia-lah: —

Awang Muhammad Aristoteles Momin, Dk Rosita Pg Abdullah, Dyg Marinah Mulok, Dayang Siti Fatimah Mat Yusop dan Awang Suni Suliman kesemua-nya daripada Pusat Tingkatan Enam di-Jalan Gadong.

Penuntut2 yang menerima biasiswa Sijil Pelajaran Brunei ia-lah Ak Masri Pg Kalong, Hamidon Md Said, Ismail Lampoh, ketiga2 dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Zainab Omar, Maktab Anthony Abell di-Seria, Dyg Linda Luah Lian Oi, Dyg Mata Johari, dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait, Md Kamaluddin Hj Abdul Rahman dari Sekolah Inggeris Berakas, Danan Umar, Dyg Looi Moi Choi dan Saif Antaran dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong, Dyg Lee Chiew Moi dari St Angela's Convent dan Awg Yapp Kim Fatt dari Sekolah St Michael di-Seria.

Selain daripada memberikan biasiswa2 yang bermula sejak tahun2 50an, Sharikat Minyak Shell juga memberikan dermasiswa2 kapada penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ka-seberang laut melalui Jabatan Pelajaran Brunei.




AWANG Sandy Livingstone menyerahkan chek tersebut kapada Awang Haji Hamdani sambil di-perhatikan oleh Awang Shariff Haji Naweh.

## Rekrut pulis tamatkan latehan

JALAN MUARA. — Saramai 24 orang lagi rekrut lelaki Pulis Diraja Brunei akan menamatkan latehan mereka pada 6hb September ini. Sa-bagai menandakan tamat-nya latehan mereka itu satu upachara perbarisan tamat latehan akan di-adakan di-Pusat Latehan Pulis di-sini mulai jam 7.45 pagi.

Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pg Ismail bin Pg Haji Damit di-jangka akan memereksa dan menerima tabek di-upachara tersebut.

Sa-lain dari 24 orang rekrut itu, kira2 200 orang anggota pasokan itu akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

# 22 orang lagi di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan telah mengumomkan kenaikan pangkat 22 orang pegawai dari beberapa buah jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dua orang Guru Terlateh Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan di-Jabatan yang sama. Mereka ia-lah Awang Ibrahim bin Abd Rahman @ Abd Samat dan Awg Abd Aziz bin Haji Md Daud @ Abdul Aziz bin Hj Mohd Daud.

Awang Christopher Addison Faraker, Juruteknik Makmal Terlateh dan Awang Harun bin Pudin, kedua2-nya dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Juruteknologi Makmal di-jabatan yang sama. Jawatan tersebut adalah dalam Bahagian II.

Tiga orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah di-naikkan ka-jawatan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama. Mereka ia-lah Pg Haji Rosman bin Pg Haji Tengah @ Pg Haji Osman, Pengarang, Awg Hj Mohammad Ali bin Haji Mohd Yusof, Pembantu Perkembangan Ugama dan Dy Zalinah bte Haji Omar @ Zalinah bte Omar Law, Guru Sekolah Arab.

Dua orang Kerani Penelitian SUK (Yunit Peranchang Ekonomi) telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Perangkaan Rendah di-jabatan yang sama, Mereka ia-lah Awang Hassan bin Haji Mohd Taha dan Awang Abu Bakar bin Othman.

Dua orang pegawai dari Jabatan Pertanian, Awang Ong Pang Ting, Ketua Juruteknik Makmal di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pusat Pemeliharaan Ternakan—ia-itu jawatan dalam Bahagian II dan Awang Sulaiman bin Metamit, Pembantu Pertanian di-naikkan pangkat ka-jawatan Pembantu Pertanian Kanan.

Empat orang Penyelia terlateh, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Penyelia Kanan Kerjasama di-jabatan yang sama. Mereka ia-lah Awg Abd Hamid bin Hussain @ Ahmad, Awg Saman bin Haji Mat Salleh/Haji Mohd Salleh, Awang Jamudin/Zainuddin bin Haji Tuah dan Awang Haji Abd Ghaffar bin Pengarah Mukim Haji Naim.

Awang Juni bin Tahir, Penolong Persembahan Junior Jabatan Radio Talivishen telah di-naikkan pangkat ka-Jawatan Vision Mixer di-jabatan yang sama. Sa-orang lagi pegawai di-jabatan itu, Ak Mohammed Taib bin Pg Mohammad, Penolong Jurukamera Perfileman di-naikkan pangkat ka-jawatan Jurukamera Perfileman.

Awang Abd Karim bin Ahmad, Pelukis di-Jabatan Muzium di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pereka Bentok di-jabatan yang sama.

Ak Amir Bahar bin Pg Mohd Yusof, Penyelenggara Setor Tingkat I — Jabatan Kerja Raya di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat Khas di-jabatan yang sama.

Awang Tamin bin Omar, Jurutayang/Pemandu, SUK (Bahagian Penerangan) di-naikkan pangkat sa-bagai Pengawas Filem di-AMDB.

Awang Ahmad Murad bin Haji Abdul Wahab, Guru Terlateh Tingkatan Khas, Jabatan Pelajaran di-naikkan pangkat ka-jawatan Penolong Pegawai Penyelaras di-jabatan yang sama.

Awang Mohd bin Salim, Pemberita — SUK (Bahagian Penerangan) di-naikkan pangkat sa-bagai Penyunting di-jabatan yang sama.

Lihat muka 12

# Sijil2 mereka ini maseh di-Lembaga Pepereksaan

PEJABAT Lembaga Pepereksaan pada masa ini maseh lagi menyimpan sijil2 yang belum lagi di-ambil oleh chalun2 persendirian yang lulus dalam pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran sejak tahun 1967 hingga 1979.

Pejabat ini berharap supaya nama2 pemegang sijil yang berikut di-bawa ini datang ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan dengan seberapa segera yang boleh pada waktu pejabat di-buka.

Mereka itu ia-lah: —

| Nama | Pusat: B.S.B. Angka Giliran |
|---|---|
| Leong Lai Yung | 90064043 |
| Jaludin bin Haji Kula | 90093533 |
| Awang Adi bin Mahali | 90093570 |
| Ak Sulaiman bin Pg Anum | 90093507 |
| Koh Siew Luan | 90064038 |
| Dk Salmah Pg Ismail | 90064035 |
| Lim Chee Chuan | 90064019 |
| Maarof bin Haji Mohd Yaakub | 90103005 |
| Ibrahim bin Ludin | 90193003 |
| Sahak bin Suhaili | 90093571 |
| Mahadi bin Metarshad | 90093537 |
| Ali Umar bin Md Said | 90093569 |
| Md Seruddin bin Abd Wahab | 90093546 |
| Amat bin Jumat | 90093568 |
| Koh Siew Eng | 90064037 |
| Mohammad bin Abu Bakar | 90093540 |
| Mayalin bin Tuah | 90093539 |
| Mariam bte A Ibrahim | 90093564 |
| Siti Ara bte Yahya | 90093567 |
| Asnah bte Md Yusof | 90093560 |
| Aminah bte Mohd Zain | 90093559 |
| Dk Fatimah bte Pg Sabtu | 90093561 |
| Ak Abd Hamid bin Pg Hashim | 90093501 |
| Ak Othman bin Pg Damit | 90093504 |
| Ismail bin Md Salleh | 90093531 |
| Ak Mat Daud bin Pg Osman | 90093503 |
| Abdul Majid bin Yaakub | 90093517 |
| Abd Latif bin Sirat | 90093516 |
| Tengah bin Morshid | 90093554 |
| Phung Lian Leong | 90193009 |
| Geoffrey Alfred Pauner | 90064012 |
| Hou Guan Sian | 90193015 |
| Jumat bin Gandor | 90093535 |
| Sahara bte Ahmad | 90193017 |
| Mohamad bin Yusof | 90064027 |
| Hashim bin Haji Piut | 90093527 |
| Armah bte Haji Dagang | 90193012 |
| Awang Bakir bin Untak | 90094508 |
| Kamis bin Halus | 90193004 |
| Rambunai bte Abu Bakar | 90093566 |
| Ung Swee King | 90064047 |
| Ismail bin Md Yusof | 90093532 |

| Nama | Pusat: S.O.A.S. Angka Giliran |
|---|---|
| Mohd Ali bin Mohd Noor | 90164003 |
| Tan Siew Yuen | 90163008 |
| Chua Cheng San | 90163003 |
| Thomas Fan Kok Kuang | 90163005 |
| Koo Kim Nyuk | 90163006 |
| Cheong Yea Yak | 90113004 |
| Chow Yik Wai | 90113005 |
| Chu Shin Chong | 90113007 |
| Johari bin Latip | 90113011 |
| Lee Yin En | 90113014 |
| Ng Chee Khiong | 90113016 |
| Yee Leng Chin | 90113024 |
| Johnny Ecoto | 90164302 |
| Yong Yee Huan | 90113021 |
| Foo Ah Siew | 90164005 |
| Jumat bin Haji Garif | 90164001 |
| Zaini bin Othman | 90011273 |
| Saidin bin Abd Halim | 90071601 |
| Fatimah bte Haji Mohammad | 90071624 |
| Ak Md Daud bin Pg Othman | 90071516 |
| Ismail bin Haji Mohammad Noor | 90071541 |
| Maimunah bte Ahmad | 90071641 |
| Mohd Nasar bin Abd Samat | 90071577 |
| Normah bte Badar | 90071644 |
| Md Zain bin Yusof | 90071572 |
| Hamdani bin Md Said | 90071534 |
| Rosnah bte Abu Bakar | 90071652 |
| Etis bin Yabau | 90071532 |
| Hashim bin Haji Piut | 90071535 |
| Rasin bin Ikas | 90071597 |
| Abd Ghafar bin Md Ali | 90071501 |
| Sulaiman bin Ahmad | 90071608 |
| Pakai bin Liton | 90071591 |
| Rosnah bte Md Said | 90071656 |
| Rokiah bte Ibrahim | 90071657 |
| Ak Othman bin Pg Besar | 90071522 |
| Zauyah bte Mantok | 90071664 |
| Ratman bte Haji Mokti | 90071647 |
| Ak Othman bin Pg Damit | 90071521 |
| Ak Tengah bin Pg Abu Rahman | 90071517 |
| Kamsiah bte Abdullah | 90071629 |
| Md Salleh bin Md Sa'at | 90071570 |
| Halimah bte Suhailee | 90071625 |
| Taifah bte Jaafar | 90071663 |
| Sulaiman bin Yaakub | 90071607 |
| Robanah bte Kura | 90071650 |
| Mariah bte Edin | 90071636 |
| Sabtu bin Lazim | 90071599 |
| Mariam bte Awang Ibrahim | 90071633 |
| Masnah bte Abd Wahab | 90071634 |
| A. Muhammad bin Sukaimi | 90071523 |
| Masnona bte Bolahasan | 90071639 |
| Saadiah bte Md Yussof | 90071660 |
| Kuala bin Bungkol | 90071553 |
| Layau bin Yakin | 90071556 |
| Marak bin D M S Dian | 90071559 |
| Md Hakim bin Haji Mohidin | 90071567 |
| Merali bin Merusin | 90071565 |
| Maimunah bte Alias | 90071638 |
| Zaini bin Othman | 90011229 |

| Nama | Pusat: B.S.B. |
|---|---|
| Kamis bin Dagong | 90013011 |
| Abdul Ghani bin Muhammad | 90094001 |
| Junit bin Ismail | 90013009 |
| Serudin bin Baha | 90013017 |
| Phang Thian Hoo | 90013013 |
| Tan Teng Huat | 90084032 |
| Victor Lin Peng Chee | 90013018 |
| Phang Siew Koon | 90084027 |
| Sia Teng San | 90084030 |
| Lim Eng Hwa | 90084014 |
| Lee Chiu Peng | 90084015 |
| Masbah bte Jeneh | 90074058 |
| Awg Damit Nasir bin Hidup | 90093502 |
| Malai Zeliha bte Sh Mohamad | 90093512 |
| Yong Chin Su | 90084034 |
| Phong Soo Kim | 90094010 |
| Awang Yusof bin Ampuan Kula | 90074012 |
| Sabtu bin Ali | 90094011 |
| Ibrahim bin Ahmad | 90013020 |
| Pg Besar bin Pg Ahmad | 9008426 |
| Damit bin Jamudin | 90084010 |
| Rauyah bte Mohiddin | 90093523 |
| Abdul Hamid bin Othman | 90084006 |
| Ahmad bin Md Husain | 90093531 |
| Zainab bin Kula | 90093527 |
| Ak Salleh bin Pg Metahir | 90013003 |
| Mahanin bin Mohd Jaafar | 90093511 |
| Asmah bte Haji Abd Bakar | 90093507 |
| Chuchu bin Tassim | 90013007 |
| Anastatia Liew | 90013005 |
| Wong Siik Keing | 90084033 |
| Sabli bin Md Husain | 90071598 |
| Ak Mahmud bin Pg Omar | 90142513 |

| Nama | Pusat: Seria |
|---|---|
| Fam Seh Techiung | 90114012 |
| Jong Oi Fah @ Yong Wei Fah | 90114013 |
| Kwok Phui Khuen | 90114018 |
| Low Swee Leong | 90114020 |
| Foo Chin Nam | 90114011 |
| Dk Radin Mas bte Pg Jeluddin | 90114010 |
| Liew Ngee Hion | 90114021 |
| Lim Beng Thiam | 90114022 |
| Chiew Chee Phoong | 90114009 |
| Chung Teck Onn @ Chung Kaw | 40114008 |
| Chung Chong Fah | 90114007 |
| Ngo Tiang Noon | 90114023 |
| Osman Bachtiar B H A Manan | 9011424 |
| Wong Yew Kiong | 90114035 |
| Wong Mee Lieng @ Wong Ah Moi | 90114034 |
| Cheng Siew Lian | 90114006 |
| Chiam Tak San | 90114005 |
| Chin Nyuk Moi | 90114004 |
| Chai Tze Yun | 90114003 |
| Wong Ah Kaw @ Wong Siew Kwong | 90114032 |
| Foo Moi Kiaw | 90164008 |
| Wong Siu Pui | 90114033 |
| Yapp Fook Sang | 90114036 |
| Soo Yuan Mei | 90114029 |
| See Toh Chor Yoke | 90114028 |
| Chin Su Onn | 90114002 |
| Siti bte Hashim | 90164019 |
| Md Zainal bin Haji Kassim | 90164017 |
| Metali bin Tahir | 90164016 |
| Cecilia Teo Guan Chew | 90164002 |

Lihat muka 12

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 3HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 ANIMAL WORLD

5.30 JANA OF THE JUNGLE

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 MORK AND MINDY

6.30 AZAN MAGHRIB

6.34 DR WHO: "Robots of Death" — Bahagian ketiga.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO

7.42 AZAN ISHA

7.46 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 THE WAR YEARS

9.40 TAYANGAN GAMBAR TV — "The Black Gun"

11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 4HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 SESAME STREET

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 OLYMPICS SPORTS

6.20 MARI SEMBAHYANG

6.30 AZAN MAGHRIB

6.34 SPIDERMAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 FLESH AND BLOOD — Sa-buah drama pergolakan perasaan yang penoh dengan keindahan dan emosi2 yang tegang.

7.42 AZAN ISHA

7.46 FLESH AND BLOOD — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 HIDAYAT

9.00 DOC: AIRPORT — "Arrival" Lapangan terbang London menjadi sunyi sepi sa-lama beberapa jam pada sa-tiap malam untok membolehkan pendudok2-nya tidor yang mana bererti penerbangan2 jarak jauh mesti-lah di-mulakan pada tengah malam untok tiba di-Heathrow pada siang hari. Ketibaan ini di-sertai oleh satu penerbangan malam dari Bombay — di-mana tidak terdapat ruang anti-bising — untok menemui sa-orang bintang filem India yang di-besarkan di-England; sa-orang pengantin lelaki yang tidak mendapat apa2 khabar mengenai isteri-nya hingga-lah sa-bulan sa-belum ia mengahwini-nya; sa-orang pelayan kapalterbang yang akan kehilangan pekerjaan-nya jika ia berkahwin; dan beberapa orang pengembara yang memakan kerbau liar dan berjaya menghadapi serangan lintah di-Nepal.

10.20 GARRISON'S GORILLAS

11.10 PERLAWANAN GUSTI

12.00 SIARAN TAMAT.



JOHN Alderton berlakun sa-bagai padri dalam siri Tales of the Unexpected bertajok "Georgy Porgy" yang akan dapat awda saksikan pada hari Ahad jam 10.40 malam.

## JUMAAT — 5HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 BAD NEWS BEARS

4.55 SAYANG ADEK KU SAYANG

5.35 MAGIC PALACE

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 HECKLE AND JECKLE

6.26 THE MUPPETS — "Carol Channing"

6.30 AZAN MAGHRIB

6.34 MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 JAMES LAST STAR PARADE

7.42 AZAN ISHA

7.46 JAMES LAST STAR PARADE — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 WARISAN

9.00 DICK EMERY Sa-hari di-studio2 perfileman, dan kesah sa-orang tuan punya rumah yang tersergam. James Lampwick menerangkan tentang polisi ekonomi-nya.

9.30 QUINCY — "Promises to Keep" Keputusan Quincy untok berkahwin semula memaksa-nya untok mempersoalkan tentang kesunggohan-nya akan pekerjaan-nya bila ia menenang kembali hari2 trajik yang membawa kapada kematian isteri pertama yang di-chintai-nya.

10.20 CHARITY SHIELD FOOTBALL

11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 6HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

4.55 SESAME STREET

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 WACKY RACES

6.26 ANGIE

6.28 AZAN MAGHRIB

6.32 ANGIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 FOUNDATION — Episod kedua Tindak tanduk sa-orang wanita dapat menentang putar belit dunia perniagaan kaum lelaki. Ini di-lakukan oleh Davinia yang baharu kematian suami bila ia chuba membentok masa depan empayar perniagaan aruah suami-nya — dan masa depan-nya sendiri.

7.40 AZAN ISHA

7.44 FOUNDATION — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 JEJAK KEMBARA

9.30 GEMA MUHIBBAH

10.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU

12.05 SIARAN TAMAT.



SHIRLEY McLaine dan Michael Caine dalam Big Movie minggu ini yang bertajok "Gambit" pada hari Selasa jam 9.10 malam.

## AHAD — 7HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 PLAYBOX

5.30 DON'T JUST SIT THERE

5.30 JABBERJAW

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE

6.28 AZAN MAGHRIB

6.32 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE LAST CONVERTIBLE

7.40 AZAN ISHA

7.44 THE LAST CONVERTIBLE — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 POT BLACK 1980

9.00 PUSPARAMA

9.50 CRIBB

10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Georgy Porgy" Superstar Joan Collins mempunyai sa-orang teman baru dalam hidup-nya Rev George Duckworth yang di-lakunkan oleh John Alderton. Tetapi padri ini mempunyai masaalah — ia takutkan wanita kerana pengaroh ibu-nya ka-atas-nya sa-masa ia kechil. Ia mempunyai khayalan2 yang menakutkan bila mana ia terlihat kaum yang bukan sa-jenis-nya.

11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 8HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 BIG BLUE MARBLE

5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SKATEBIRDS

6.25 KATY

6.28 AZAN MAGHRIB

6.32 KATTY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 CHARLIE'S ANGELS — Episod terakhir dari siri ini.

7.40 AZAN ISHA

7.44 CHARLIE'S ANGELS — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 MINDER

9.40 LIVE AT THE FORUM

10.30 DANGER UXB — Satu fuse baharu German di-temui. Brian Ash bertemu lagi dengan Susan. Brian dan Gillespie menchari jalan untok mengendalikan fuse baharu dan Brian menjalankan satu perchubaan yang membahayakan. Suami Susan, Stephen, meninggal.

11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 9HB SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN/DOA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 BATTLE OF THE PLANETS

5.30 BENGKEL KANAK2

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 GATHER YOUR DREAMS

6.28 AZAN MAGHRIB

6.32 SAPPHIRE AND STEEL

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE CONTENDER

7.40 AZAN ISHA

7.44 CONTENDER — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 GAMBUS

9.10 TAYANGAN GAMBAR — "Gambit" Di-bintangi oleh: Shirley McLaine, Michael Caine, Herbert Lom, Roger C. Carmel.

11.55 SIARAN TAMAT.

# PERTANDINGAN BINTANG KECHIL RADIO '80 BERAKHIR

## Adek Erwan (pemenang ketiga tahun lalu) menjadi juara tahun ini

PERTANDINGAN Nyanyian Bintang Kechil Radio '80 perengkat Negeri telah berlangsong pada hari Sabtu, 23hb Ogos 1980 yang lalu bertempat di-Dewan Raya RTV.

Pertandingan tersebut disiarkan sa-chara langsong melalui Radio dan Talivishen.

Penyanyi kechil berbakat dan di-sukai ramai, Awang Erwan bin Md Said, telah munchol sabagai juara sa-telah mengalahkan 11 orang peserta.

Bahagian Melayu Radio Brunei tahun ini, telah menerima borang2 penyertaan Bintang Kechil Radio '80 lebeh 500 keping. Memandangkan banyak penyertaan ini, Peraduan Bintang Radio semakin meningkat dan menggalakkan.

Awang Erwan Md. Said mewakili Daerah Tutong, johan Bintang Kechil Radio '80, menerima hadiah sa-buah Oskar rebutan, wang tunai $500.00 dan sa-buah piala iringan. Naib johan, Awang Norisnan bin Mejenis, menerima wang tunai $300.00 dan sa-buah piala iringan dan Dayang Norasikin Ramli, pemenang ketiga mendapat hadiah $200.00 dan sabuah piala iringan. Naib johan dan pemenang ketiga mewakili Daerah Belait.

Awang Erwan Md. Said, dilahirkan di-Kampong Bukit Sibut Tutong, pada 26hb Mei 1972. Beliau bersekolah di-Sekolah Melayu Lubok Pulau Tutong dalam Darjah IV.

Awang Erwan Md. Said, mendapat galakan menyanyi daripada keluarga-nya sendiri. Adek Erwan mendapat tempat ketiga dalam peraduan yang sama pada tahun lalu.





AWANG Erwan Md Said, johan Bintang Kechil Radio '80, sedang mengalunkan suara-nya di-pertandingan akhir Bintang Kechil '80 (kiri). Sementara Awang Norisnan Mejenis naib-johan dalam pertandingan itu (tengah) dan Dayang Norasikin Ramli, pemenang ketiga, menerima hadiah2 kemenangan mereka yang di-sampaikan oleh YDM Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah binte Abdullah.

Sa-bagai achara salingan di-malam pertandingan itu, Johan Bintang Kechil Radio '79, Dayangku Monira bte Pg Mohiddin mempersembahkan dua buah lagu dengan di-iringi oleh kumpolan penari2 dari Bengkel Kanak-Kanak RTB saperti kelihatan dalam gambar bawah.




## PENULIS2 DRAMA INI DI-MINTA HUBONGI PEHAK RTB

BAHAGIAN Perkhidmatan Drama TV ingin menghubongi penulis2 yang pernah menulis sekerip drama Radio dari sejak tahun 1971 yang mana alamat mereka sekarang sudah berubah atau berpindah dan tidak dapat di-ketahui alamat sebenar-nya.

Penulis sekerip drama Radio itu ia-lah : Awang Masri bin Haji Akip tajok drama-nya JUDOH, 'LUBANG PAK ABU', 'BUAT MENYAPU SI-AYER MATA.

A. Mohamad bin Timbang, tajok drama-nya PELANDOK DI-TEMBAK GAJAH YANG MATI dan KERBAU OH KERBAU'.

Dayang Rafiah bte Abu Bakar, tajok drama-nya TANAM PADI TUMBOH-NYA LALANG.

Awang Jamaluddin bin Aspar, tajok drama-nya SA-BUAH HARAPAN, dan SENIMAN.

Pengiran Aji bin Pg Mohd Tahir, tajok drama-nya, JALAN LESU TIADA PENGHUNI.

Ak. Metussin Pg. Besar, tajok drama-nya SATU PENGAKUAN.

Awang Masri bin Haji Idris, tajok drama-nya MENGIKIS SETITIK DEBU PENGKHIANATAN.

Awang Abd Rahman bin Mohd Yusof, tajok drama-nya BIAR PAHIT KU TELAN JUA.

Awang Bakri bin Malim, tajok drama-nya DEBARAN.

Awangku Shah Brunei, tajok drama-nya SEPANDAI2 TUPAI MELOMPAT.

Dayang Halimah Yaman, tajok drama-nya PUAS-LAH HATI-NYA.

Sekerip drama mereka yang pernah di-siarkan melalui perkhidmatan drama Radio ini, akan di-ubahsuai untok drama TV dengan persetujuan penulis-nya sendiri.

Penulis2 berkenaan ada-lah diminta berhubong dengan Awang Abdul Rahim bin Wali di-Bahagian Perkhidmatan Drama TV, sama ada menulis surat atau berjumpa dengan-nya sa-masa pejabat dibuka.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $500.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sejak menjalani latehan asas sa-bagai rekrut :
   'B' — $545.00, alaon permakanan $186.00 jumlah $731.00
   'A' — $565.00, alaon permakanan $186.00 jumlah $751.00
   'X' — $625.00, alaon permakanan $186.00 jumlah $811.00
3. Di-Angkatan Laut juga mempun,ai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaon2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaon menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri.





## Sa-bagai Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

### SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penoh $500.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00, alaon chatuan $186.00 jumlah $731.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sejak menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaon2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri.



**Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-**adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui radio dan talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 5hb Januari 1981.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ....................................................

No. Kad Pengenalan : ........................ Warna : ........................

Tarikh lahir : ........................ Tempat lahir : ........................

Alamat : ....................................................

....................................................

Nama Warith : ....................................................

Hubongan : ........................ No. Kad Pengenalan : ........................

Alamat Warith : ....................................................

Nama Sekolah : ....................................................

Tingkatan : ........................

Kelulusan : ........................

Kerjaya yang di-pileh : ....................................................

No. Talipon : ........................

Tarikh : ........................

Tanda Tangan



1

# BERKURSUS SAMB






4





7



9





8



10

# PERKARA2 BID'AH

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

Siri ke-43

AL-IMAM Ibnu Hajar dalam Al-Fatawa Al-Hadithah mengatakan: "Ahli bid'ah ia-lah orang yang menyalahi akan perkara2 yang ada (pada Ahli Sunnah Wal Jamaah) dan juga orang2 yang mengada2kan sa-suatu di-dalam Islam yang tiada terkandong dalam shara'. Sa-telah ulama mengatakan bahawa bid'ah itu ia-lah perkara yang tiada ada dalil shara' untok mengatakan perkara itu wajib dan mustahab (sunat) sama ada di-buat pada zaman Nabi s.a.w. atau tiada di-buat pada zaman Baginda itu."

1. **Bid'ah Dalam I'tiqad,** sa-bagai chontoh-nya ia-lah:

1. Perkara2 yang menjadikan sa-seorang itu kafir saperti mengaku menjadi nabi, mengaku ada menerima wahyu, dan mengaku jiwa-nya dan roh-nya menjelma ka-dalam badan2 Nabi atau wali-wali dan lain2 lagi.

2. Perkara2 yang membawa sa-seorang itu sesat; saperti memuja dan menghormatkan pohon, batu, ular, perigi, dan lain2 sa-umpama-nya sa-bagai keramat atau mengambil berkat daripada-nya (walaupun benda2 tersebut tiada di-sembah).

2. **Bid'ah Dalam Perkara Al-Kor'an**

Sa-bagai chontoh dalam perkara ini ia-lah orang berdalil dengan menggunakan tafsir Al-Kor'an sahaja, tetapi tidak mengeluarkan ayat2 Al-Kor'an itu sendiri (membachakan) sa-bagaimana yang di-buat oleh sa-tengah-sa-tengah orang sekarang, pada hal Rasulullah s.a.w. dalam perkara ini membachakan Al-Kor'an, dan menggemarkan orang2 Islam membacha-nya. Baginda juga memberi tahu bahawa orang yang membacha satu huruf dari Al-Kor'an itu di-beri satu kebajikan dan kebajikan itu pula digandakan dengan membacha 10 kali ganda-nya. Sa-bagai chontoh الم itu bukan satu huruf, bahkan "ا" satu huruf, "ل" satu huruf dan "م" satu huruf. (Begitu-lah maksud hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi).

Jelas-nya orang yang tiada membacha Al-Kor'an itu akan hilang daripada-nya beberapa kelebehan dan keutamaan sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam hadith2. Lama kelamaan orang2 Islam akan tiada dapat membacha Al-Kor'an pada masa akan datang. Orang2 yang berpegang kapada sentimen bahasa kebangsaan bukan-lah di-sini tempat-nya untok memboktikan pegangan mereka itu.

3. **Bid'ah Dalam Do'a**

Orang membacha do'a dalam bahasa kebangsaan semata2 atas asas sentimen kebangsaan, boleh di-kira salah sekira-nya ia tiada hafaz akan do'a dalam bahasa Arab yang di-tutorkan (di-amalkan) oleh Nabi s.a.w. kerana do'a Rasulullah dan hadith2 Rasulullah dalam bahasa Arab itu mengandongi berkat dan kelebehan2. Sabda Baginda yang rengkas dan padat itu melengkapi akan semua tujuan dan tepat dengan apa yang di-maksudkan oleh Baginda. Berdoa dengan lafadz2 yang di-tutorkan oleh Rasulullah mendatangkan pahala sa-lain dari mendapat berkat dan di-kabulkan Allah Insha Allah. Adapun membacha Al-Kor'an dan berdoa dengan suasana muzik dan gambus bukan-lah dari ajaran Islam.

4. **Bid'ah Kapada Rasulullah s.a.w.**

Berkata Al-Imam As-Shafie r.a. saya benchi terhadap sa-tengah2 orang yang menyebut nama Rasulullah dengan nama Rasul sahaja (dengan tiada di-sandarkan kapada Allah supaya menjadi Rasulullah). Dengan yang demikian perbuatan itu bererti tiada menghormatkan Baginda Rasulullah s.a.w. Bagaimana di-sebutkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dalam Manaqibus-Shafie dan di-sebutkan oleh Al-Imam At-Tajus Eubki dalam Thabaqat Ash-Shafieh Al-Kobra). Chontoh2 yang kurang baik ini pernah dilakukan sendiri oleh sa-tengah-sa-tengah penulis ulama2 Azhar, penulis2 Islam di-Mesir dan penulis-penulis akhbar di-negeri Saudi dan lain2, mereka menulis dan menyebut nama Rasulullah dengan memakai nama Ar-Rasul sahaja.

**Banyak bid'ah yang perlu di-jauhi dan di-singkirkan dari i'tiqad, amalan dan perbuatan agar kita menjadi sa-orang muslim yang sempurna.**

Sa-tengah2 penulis dimass2 media pula tiada menyebutkan "salawat" sa-lepas nama Rasulullah, pada hal bersalawat bila menyebut dan mendengar nama Rasulullah di-beri pahala 10 rahmat bagi tiap2 satu salawat kapada Rasulullah.

Sa-tengah2 penulis sayang hendak menulis (Sallalahu 'Alaihi Wassallam). Sa-tengah2 orang Islam apabila mendengar nama Rasulullah s.a.w. berat lidah-nya hendak bersalawat. Padahal tersebut dalam hadith2 bahawa orang yang bakhil itu ialah orang yang apabila mendengar nama Allah atau nama Rasulullah. maka lidah-nya berat untok menguchapkan salawat kapada Baginda.

Sa-tengah2 orang menyeru nama Rasulullah dengan menyebut oh Muhammad, yang demikian ini ada-lah kelakuan umat-umat yang dahulu, juga kelakuan umat Eropah sebarang — mereka menyebut nama2 Nabi dengan nama batang tuboh-nya sahaja saperti Ya Ibrahim, Ya Musa, Ya Isa, Ya Zakaria, dan Ya Yahya bagaimana yang di-sebutkan dalam Al-Kor'an dan pernah di-terangkan oleh Al-Imam Abu Na'im dalam salah satu riwayatnya.

Adapun pada diri Rasulullah s.a.w., Al-Kor'an menegah memanggil nama batang tuboh Baginda, bahkan Allah Ta'ala sendiri memanggil Rasulullah dengan bunyi ya Rasulullah dan sa-umpama-nya.

Berkata Al-Imam As-Subki dalam kitab-nya As-Saifus-Thaqil Fir-Raddi 'Ala Ibnir-Raqil yang dikenali dengan Ibnil-Qaiyim Al-Jauziyah:

"Pada akhir kurun Ke-Tujoh Hijrah datang sa-orang yang cherdek dan mengetahui dalam ilmu (Al-Allamah Ibni Taimiyah) tetapi ia tiada menemui sa-orang guru yang boleh menunjokkan-nya jalan yang benar. Dia bermazhab dengan mazhab mereka (Al-Hashawiyah), dia sangat berani pada membuat keputusan dalam mazhab-nya, dan dia berani mengambil keputusan dalam perkara2 yang jauh lagi rumit. Dia mengatakan قيام الحوادث dengan Zat Allah Ta'ala."

"Dan dia mengachau aqidah2 orang Islam dan menimbolkan perbalahan di-antara mereka. Dia mengatakan bahawa belayar kerana tujuan menziarahi Rasulullah s.a.w. itu suatu maksiat dan dosa. Menurut-nya talak tiga tiada gugor. Barang siapa bersumpah mencheraikan isteri-nya kemudian melanggar sumpah-nya maka talak-nya itu tiada gugor."

Fikiran Al-Allamah Ibni Taimiyah dan Ibni Qaiyim dalam perkara menziarahi Nabi s.a.w. itu menyalahi akan pendapat umat Islam dan berlawanan dengan pendapat ulama Islam dari kalangan mazhab yang empat.

5. **Bid'ah Dalam Pakaian**

Termasok dalam bid'ah jenis ini ia-lah kain atau seluar laki2 yang di-potong laboh sa-hingga menyirit atau menyapu tanah. Dan kaum perempuan yang mendedahkan aurat di-hadapan laki2 yang halal nikah sama ada di-tempat ramai atau tersembunyi. Telah di-ma'alomi bahawa aurat perempuan ialah meliputi segala tuboh badan-nya, kepala-nya dan rambut-nya sa-hingga betis dan kaki-nya.

Pendek-nya banyak bid'ah yang perlu di-jauhi dan di-singkirkan dari i'tiqad, amalan dan perbuatan kita agar kita menjadi sa-orang muslim yang sempurna disamping mendapat keampunan dan keredzaan Allah Subhanahu Wata'ala.

*WALLAHU A'ALAM*

# ZAKAT

SA-BAGAIMANA yang kita sama2 maklom bahawa salah satu daripada Rukun Islam ia-lah membayar zakat. Hukum mengeluarkan atau membayar zakat itu ada-lah wajib apabila sudah chukop sharat2-nya ka-atas tiap2 orang Islam baik laki2 atau perempuan sekali pun kanak-kanak yang mana wajib ka-atas wali-nya mengeluarkan zakat bagi harta kanak-kanak itu.

Zakat erti-nya pembersehan dan menyuborkan. Sebab pun di-katakan demikian ia-lah kerana dengan mengeluarkan zakat itu bererti-lah sa-seorang itu telah berjaya menapis dan menampi harta2-nya, mana2 yang hampa, tak faedah, dan berisi telah dapat di-asingkan sedangkan bahagian yang di-untokkan kerana zakat itu ia-lah bahagian yang sa-berseh2-nya. Berseh diri-nya dan dapat harta2 halal-nya yang lain kerana sa-tiap sen nilai bahagian harta yang di-zakatkan-nya itu ada-lah ibarat sa-biji beneh yang bakal menumbohkan rasa kaseh sayang orang kapada orang miskin.

Rasa kaseh sayang orang itu menyebabkan harta-nya bertambah dan berkembang subor. Sa-balik-nya orang yang chuai atau enggan berzakat atau bakhil terhadap fakir miskin bererti seluroh harta-nya berchampor baur dengan hak2 orang lain sedangkan memakan hak orang itu merupakan perbuatan kotor yang menyebabkan harta2-nya tidak akan beroleh berkat dan tidak akan memberikan kebaikan kapada-nya dalam hidup di-dunia apa lagi di-alam akhirat.

Al-Baihaqi telah meriwayatkan sa-buah hadith daripada Aishah kata-nya yang bermaksud: *Apabila harta bahagian zakat yakni harta yang telah wajib di-keluarkan zakat-nya tetapi tiada di-keluarkan zakat-nya berchampor dengan harta2 lain melainkan akan jahanam-lah semua harta2 itu.*

Zakat itu ada berbagai-bagai jenis, ada zakat fitrah, ada zakat perniagaan, ada zakat galian, ada zakat biji-bijian, ada zakat ternakan dan ada zakat emas dan perak serta wang.

Dari segi pembayaran zakat fitrah, alhamdulillah kita umat Islam di-Brunei ada-lah berjalan dengan baik dan hasil-nya telah banyak menolong meringankan bebanan orang2 yang menerima khas-nya bagi fakir dan miskin terutama dalam menghadapi Hari Raya Puasa.

Dan nampak-nya pembayaran zakat harta juga sa-makin meningkat daripada kalangan umat Islam tidak terkechuali daripada ketua ugama bagi negeri ini ia-itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri.

Perkembangan yang amat berkebajikan itu tidak shak lagi akan menambah eratkan lagi perhubongan antara yang berada dengan yang kurang berada, dan sudah pastilah akan merapatkan jurang perbezaan antara kedua-nya. Bahkan lebeh jauh lagi boleh menghapuskan kemiskinan di-kalangan raayat dan pendudok di-negeri ini, khas-nya jika semua orang yang berada telah chukop sharat-sharat berzakat masing-masing membayar zakat.

Sistem zakat ini jika di-amalkan oleh negara Islam ada-lah sa-baik2 jalan bagi menghapuskan kemiskinan dan lagi menguatkan perpaduan di-kalangan umat Islam. Perkara ini telah di-buktikan dalam sejarah bila mana sistem zakat ini di-amalkan dan berjalan dengan baik, pernah negara Islam di-zaman keemasan tidak ada orang yang akan menerima zakat di-sebabkan masing2 sudah meningkat ka-dalam golongan kaya menurut istilah hukum Islam.

Keadaan kita umat Islam di-Brunei akan boleh di-tingkatkan lagi ka-arah yang lebeh berkemakmoran jika pembayaran zakat harta ini menjadi amalan kita. Matalamat ini rasa-nya boleh kita chapai berdasarkan perkembangan ekonomi negara kita yang sa-makin meningkat dan kemakmoran negara dan raayat sa-makin bertambah. Yang demikian keuntongan dari amalan mengeluarkan zakat itu bukan hanya di-dapat oleh pembayaran yang mana akan mendapat pahala yang besar dan menambah keberkatan kapada harta-harta-nya tetapi juga kapada penerima2 zakat yang mana akan merengankan bebanan hidup mereka, sa-terus-nya akan menchetuskan rasa kaseh sayang antara golongan yang kurang berada dengan yang berada yang mana sudah pasti-lah akan melahirkan sa-buah masharakat yang kukoh, bersatu padu dan makmor.

Oleh yang demikian kita sukachita berseru kapada tuan2 dan seluroh umat Islam di-negeri ini supaya tuan2 membayar zakat harta tuan2 apabila telah chukop sharat2 wajib berzakat dan jauhkan-lah sifat2 tamak dan bakhil kerana dalam harta tuan2 yang telah terkena wajib di-zakat itu ada hak orang2 fakir dan miskin dan sekalian orang berhak menerima zakat. Chari-lah keberkatan harta menerusi amalan berzakat dan pastikan-lah zakat itu di-keluarkan dengan ikhlas kerana Allah jua.





## Awang Hj Abdul Aziz tamat berkursus

PEGAWAI Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned baru2 ini telah pulang ka-tanah ayer sa-telah menamatkan kursus sa-lama lebeh kurang sa-belas bulan di-Republik Arab Mesir. Awg Haji Abdul Aziz telah menjalani kursus dalam bidang fatwa yang bersangkut paut dengan segala hal ehwal shara' dan praktik ilmu feqah serta hukum-hukum yang berkaitan dengan kehidupan.

Gambar atas kelihatan Haji Abdul Aziz sedang menerima "shahadah" tamat latehan daripada Mufti Republik Arab Mesir, Al-'Allamah Al-Sheikh Jadulhak Ali Jadilhak.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb September, 1980 hingga ka-hari Selasa 9hb September, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 4hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 5hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 6hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 7hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 8hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 9hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## MALU SA-BAHAGIAN DARIPADA IMAN

O *Bingkisan minggu ini*

MANUSIA yang di-chiptakan oleh Allah di-atas muka bumi ini telah di-takdirkan memileki sifat dan pembawaan-nya masing2. Pembawaan atau sifat2 yang di-mileki itu pula pada umom-nya ada-lah di-pengarohi oleh keadaan, baik keadaan alam sekeliling, pendidekan, kelaziman2 hidup dan sa-bagai-nya. Maka sebab itu, faktor pengaroh-lah yang menchorakkan peribadi sa-seorang sama ada peribadi-nya baik atau sebalik-nya ia-itu burok.

Bagaimana pun sa-bagai makhlok yang memileki akal pertimbangan, sudah sa-tentu-nya-lah kita menginginkan peribadi dan keolahan yang baik yang bukan sahaja sesuai sa-bagai sifat insan yang berakal, malah juga sesuai sa-bagai tuntutan kehidupan kita yang berugama Islam.

Kalau-lah kita hendak menjadi sa-orang manusia yang di-dedikasi kita harus-nya mempunyai satu keolahan yang baik dan salah satu daripada keolahan tersebut ada-lah MALU. Ada pun maksud hakikat malu itu ia-lah perangai yang membangkitkan kita untok meninggalkan semua perbuatan2 yang burok dan menegah kita daripada melakukan cheroboh terhadap hak2 orang lain. Tambahan pula malu ada-lah sa-bahagian daripada iman. Salain daripada kita di-suroh mempunyai perasaan malu di-antara kita sa-sama manusia, kita wajib-lah mempunyai perasaan malu kapada Allah s.w.t. yang telah menchiptakan kita di-atas muka bumi ini.

Mula pada perengkat ini ia-lah kita hendak-lah terlebih dahulu menseimbangkan kepentingan2 dunia dan akhirat kita dengan chara2 yang wajar sesuai dengan perintah Allah. Hakikat malu pada peringkat ini ada-lah malu yang khusus, kerana bukan-kah Allah s.w.t. yang telah menchiptakan kita dari tidak ada menjadi ada? Kemudian di-berikan-nya kita berbagai-bagai nekmat-nya yang tidak dapat di-hitung banyak-nya? Jadi sanggup-kah kita melakukan sa-suatu perkara yang bakal menimbulkan kemurkaan Allah? Kalau-lah kita sa-orang manusia yang mempunyai akhlak peribadi yang tinggi, sudah pasti kita enggan melakukan segala larangan2-Nya. Tetapi malang-nya, sa-tengah manusia memang ajaib, yang baik tidak mahu di-lakukan malah yang jahat pula seringkali di-utamakan.

Memileki sifat2 malu amat perlu kapada kita, kerana sifat malu itu akan dapat memelihara kita daripada banyak perkara yang tidak baik, walaupun malu itu ada-lah satu sifat yang utama untok kita manusia, tetapi kita harus-lah tahu menentukan situasi di-mana-kah malu itu tidak perlu di-lakukan, umpama-nya kita hendak bertanya sa-suatu perkara atau yang bersangkutan dengan hukom2 ugama yang kita tidak ketahui. Di-sini kalau-lah kita malu untok bertanya sudah tentu kita akan tersesat dan lebeh2 lagi kalau-lah kita hendak bertanya tentang hal2 hukom2 ugama, chontoh-nya; kita hendak bertanya tentang urusan2 sembahyang, puasa, zakat, haji atau lain2 perkara lagi yang berkenaan dengan hal2 hukom ugama saperti halal dan haram dan sa-bagai-nya.

Kalau-lah kita salah chara mengamalkan-nya, sudah pasti semua amalan-amalan kita itu akan di-tolak oleh Allah s.w.t. Kerana ia-nya bertentangan dengan ajaran2 Allah. Itu-lah sebab-nya *malu itu* ada mempunyai sempadan-nya. Bukan-lah bererti kalau-lah sa-seorang itu sentiasa mempunyai sifat malu, dia itu ada-lah sa-orang yang bijaksana, tidak sa-mesti-nya begitu, tetapi apa yang di-kehendaki oleh Ugama Islam ia-lah kita mempunyai sifat malu ada-lah semata-mata untok menegakkan lagi shi'ar Islam dengan memberikan chontoh terhadap masharakat sekeliling kita.

Tambahan pula jika-lah kita dapat menguasai semua-nya ini, neschaya kita akan menjadi sa-orang muslim yang sejati, mulia di-sisi Allah dan Rasul-Nya, dan mulia dalam pandangan sekalian makhlok-Nya, dan itu-lah juga tanda-nya kita ada-lah sa-orang manusia yang sejati.

# BELAJAR UNTOK MENAMBAH ILMU DI-DADA







SUATU kesempatan serta pengalaman yang sukar di-lupakan bagi peserta2 Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali kelima dalam mengerjakan bidang2 kerja sosial, pada keselurohan-nya berkait rapat dengan semua bidang ilmu dan kemahiran yang di-pelajari. Tepat sekali kalau di-katakan di-sini: "Berkursus sambil belajar untok menambah ilmu di-dada". Gambar2 di-ambil menunjokkan sa-bahagian dari kegiatan di-sepanjang kursus ada-lah :

(1) YDM Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah, sedang beramah mesra dengan penuntut2 sa-jurus satelah kursus tersebut selamat di-rasmikan oleh Penasehat Umom DYMM; (2) Bergambar ramai di-akhir kursus; (3) Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, beramah mesra dengan penuntut2.

(4) Tetamu kehormat di-majlis ramah mesra dengan Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak Muhammad; (5) Tetamu kehormat di-majlis ramah mesra dengan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein; (6) Ramah mesra dengan Datin Hajjah Zaharah di-majlis penutop kursus.

(7) Peserta kursus berkesempatan beramah mesra dengan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Ya'akub; (8) Membersehkan perkuboran Alangan Basar dan Alangan Damit; (9) Sembahyang berjemaah peserta kursus; (10) Peserta kursus berkesempatan melawat Rumah Panjang di-Daerah Temburong.

(11) Membersehkan longkang di-kawasan Gerai Bandar Seri Begawan (12) Kelihatan Ketua Pegawai Penerangan, mengalu-ngalukan Ketua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, di-majlis ramah mesra dengan peserta2 kursus; (13) Mengikuti Kuliah Suboh; (14) Dalam penilaian kursus, kelihatan salah sa-orang peserta mengutarakan beberapa chadangan-nya untok kebaikan kursus pada masa akan datang dan (15) Membuat tempat perhentian teksi-bas di-Pekan Bangar, Temburong.















# Pegawai2 Perhubongan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan melantek sa-ramai 12 orang pegawai2 kanan kerajaan untok menjadi Pegawai Perhubongan Haji bagi musim haji tahun ini.

Saperti juga pada tahun lepas Pegawai Perhubongan Haji tersebut akan bertugas mengiringi jemaah2 haji kita sa-panjang perjalanan ka-tanah suchi dan pulang ka-tanah ayer.

Mereka yang di-lantek itu terdiri dari Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Penguasa Pulis Dato Paduka Yaakub bin Pehin Maharaja Diraja Haji Zainal, Dato Paduka Awang Judin bin Asar, Pengiran Ahmad bin Pg Damit.

Awang Zakaria bin Jeneh, Awg Yahya bin Mohd Yusof, Awg Othman bin Simpol, Awg Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Awg Haji Besar bin Abu Besar, Awg Haji Adam bin Haji Ahmad, Awg Haji Lamit bin Ibrahim dan Awg Haji Mahalee bin Haji Abdullah.

Jemaah haji Brunei itu akan bertolak ka-tanah suchi dalam tiga penerbangan dengan menaiki pesawat terbang Sharikat Penerbangan Singapura melalui Singapura.

Penerbangan pertama bertolak dari Brunei ka-Jeddah pada 17hb September, penerbangan kedua pada 20hb September, dan ketiga pada 23hb September. Manakala penerbangan pulang akan di-jadulkan pada 30hb Oktober, 2hb Nobember dan 5hb Nobember.

Sementara itu 12 orang pegawai perubatan yang terdiri dari dua orang doktor dan 10 orang jururawat, atendan dan pembantu rumah sakit telah di-lantek untok mengiringi jemaah2 haji tersebut.

Pegawai2 perubatan itu akan turut membuat penerbangan dalam tiga kumpolan yang berasingan bersama jemaah haji ia-itu bagi penerbangan pertama 17hb September terdiri dari Dr Haji Mir Ghulam Ghouse, Dayang Hadijah bte Haji Hansan, Awang Sabli bin Awg Besar, Dk Zaliha bte Pg Haji Damit, Awg Abdulrahman bin Kalong dan Dayang Salbiah bte Nawang.

Bagi penerbangan kedua pada 20hb September mereka terdiri dari Awg Johari bin Abdul Rahman, Awg Haji Mohammad bin Haji Tengah, Dyg Jaliha bte Haji Momin, Dayang Raihana bte Abdullah @ Thelma Teo Chaw Ee, Awg Hussin bin Judin dan Awg Abas bin Haji Mohammad.

Dan bagi penerbangan ketiga mereka akan di-sertai oleh Dr Haji Mohd Anwar Hossain Molla, Awg Maidin bin Yahya, Dayang Hajjah Khatijah bte Abdullah, Awg Mohin bin Hassan, Awg Ahmad bin Md Zain dan Dayang Minggi bte Besar.



PEGAWAI2 dan kakitangan perubatan yang telah di-pileh untok mengiringi jemaah2 bagi musim tahun ini.

## Pegawai2 yang naik pangkat

Dari muka 4

Kesemua kenaikan pangkat bagi pegawai2 itu bermula dari 1hb Ogos, 1980.

Sementara itu Jabatan Perjawatan juga mengumomkan perubahan nama Jawatan dan pertukaran beberapa orang pegawai.

Jawatan2 Ketua Pembantu Teknik Ukor bagi Awang Wahab bin Sulaiman, Awang Ibrahim bin Serudin, Awang Haji Majid bin Haji Zainal dan Pengiran Matusin bin Pg Haji Matasan di-ubah menjadi Ketua Juruteknik Ukor di-jabatan yang sama mulai dari 1hb Januari, 1980.

Jawatan2 Pembantu Teknik Kanan Ukor bagi Pg Haji Safiuddin bin Pg Haji Mohamad, Pg Chuchu bin Pg Hj Abu Bakar, Awang Jalil bin Abu Bakar, Pg Abd Rahman bin Pg Alim, Awang Hassan bin Bakar, Pg Damit bin Pg Ahmad, Awang Abdul Ghani bin Haji Ahmad, Awg Naweh bin Abu Hanafiah, Awang Othman bin safar, Awang Omarsuki bin Abg Mohamad, Awg Abd Razak bin Mohamad dan Awg Zainuddin bin Haji Md Noor di-tukar menjadi Juruteknik Ukor Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb Januari, 1980.

Awang Othman bin Simpol, Amer Ser, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-tukar ka-jawatan Kerani Tingkatan II di-jabatan yang sama mulai 1hb, Mei, 1980.

Dy Rosniah bte Mohd Hassan, Setia Usaha Sulit AMDB di-tukar ka-Jabatan Kerja Raya dalam jawatan yang sama mulai 5hb Julai, 1980.

Pg Tajuddin bin Pg Hj Mohammad, Kerani Tingkatan II, Jabatan Hal Ehwal Ugama, di-tukar ka-Jabatan Kenderaan Darat dalam jawatan yang sama mulai 1hb Ogos, 1980.

## Sijil2 mereka ini maseh di-Lembaga Pepereksaan

Dari muka 4

| | |
|---|---|
| Lim Ann Chuan | 90164014 |
| Rosna bte Osman | 90114027 |
| Yeo Heng Kwang | 90114039 |
| Pui Yin Hin | 90114026 |
| Abu Talip bin Abd Majid | 40114001 |
| Fatimah bte Tanji | 90143502 |
| A. Rambli bin Abdullah | 90113009 |
| Awg Mohammad bin Yusof | 90113001 |
| Johari bin Daud | 90113003 |
| Koo Siew Wee | 90113004 |
| Maarof bin Othman | 90113005 |
| Yap Shai Hong | 90114040 |
| Yong Soo Chew @ Yeo Ser Eng | 90114038 |

**Pusat : Tutong**

| | |
|---|---|
| Mohd Ali bin Ahmad | 90103502 |
| Md Salleh bin Manaf | 90103003 |
| Kamarul Zaman bin Md Taha | 90103501 |

**Pusat : B.S.B.**

| | |
|---|---|
| Md Kassim bin Abd Latif | 380425 |
| Dk Juriah bte Pg Md Tahir | 380414 |
| Ak Muhammad bin Pg Duraman | 380399 |
| Ahmad bin Abd Rahman | 730401 |
| Esa bin Lahid | 730842 |
| Ahmad bin Abu Bakar | 380394 |
| Langkan bin Jali | 380419 |
| Ak Burut bin Pg Tengah | 380396 |
| Anastatia Liew | 380401 |
| Awang Mohd Zain bin Mudim Haji Hassan | 390072 |
| Yong Chin Su | 390070 |
| Md Said bin Othman | 390044 |
| Lim Hoon Kem | 390039 |
| Lim Hoon Hui | 390034 |
| Elsie Fan Sai Choo | 390024 |
| Kok Choon Joo | 390030 |
| Chan Jai Hong | 390023 |
| Cheong Ann Seng | 390020 |
| Chieng Kai Eng | 390018 |
| Cecilia Newn Siew Fong | 390017 |
| Chu Jung Te | 390021 |
| Chu Wei Teh William | 390022 |
| Thomas Chew Wing Kong | 390061 |
| Samad bin Jamaludin | 390056 |
| Neo Bee Tin Neo Bee Chuan | 390048 |
| Ong Gik Lang | 390049 |
| A. Noordin B A H Tengah | 390002 |
| Md Ja'afar bin A. Tuah | 390043 |
| Abdul Rahim bin Haji Hasim | 390010 |

**Pusat : Tutong**

| | |
|---|---|
| Zauyah bte Mantok | 90103508 |
| Rahmah bte Jaludin | 90103507 |
| Rasin bin Ikas | 90103506 |
| Abdul Manaf bin Metali | 90103501 |
| A. Tuah A. Damit | 90103502 |
| Masnunah bte Bolhasan | 90103504 |

**Pusat : Seria**

| | Angka Giliran |
|---|---|
| Pang Teck Tshen @ Phang Tek Tshen | 390126 |
| Poon Ah Lan | 390127 |
| Shim Chai Soon | 390129 |
| Shim Sieh Tsin | 390130 |
| Ten Nyuk Choi | 390134 |
| Siah Leong Chui | 390131 |
| Han Kai Jong | 390135 |
| Tan Kai Jiew | 390136 |
| Tan Kai Chong | 390137 |
| Wong Thau Kong | 390138 |
| Wu Yuk Wah | 390139 |
| Wee Chew Seng | 390140 |
| Wong Lay Sing | 390141 |
| Yapp Chaw Phan | 390142 |
| Yen Len Hiong | 390143 |
| Yong Su Shiong | 390145 |
| Yeo Eng Khiong | 390146 |
| Yo Yeok Tshim | 390147 |
| Yong Foh Fui | 390148 |
| Yong Siew Fun | 390149 |
| Yong Long Foi | 390150 |
| Chai Yong Che | 390101 |
| Chai Su Fook | 390102 |
| Chang Kok Wah | 391003 |
| Chong Ko Mui @ Chang Kau Wei | 390104 |
| Chong Yek Shim | 390106 |
| Chan Koo Chen | 390107 |
| Chang Lip Yew | 390108 |
| Chong Hon Fah | 390109 |
| Mok Ah Lai @ Mok Lee Ming | 390122 |
| Moo Soo Chin | 390123 |
| Othman Alias Bachtiar H A Manan | 390124 |
| Mohd Zaini bin Jimin | 380965 |
| Chong Choi Tai | 380955 |
| Chung Siew Yin | 380954 |
| May May Chin Phui Lyin | 380382 |
| Chee Geok Eng | 380956 |
| Diong Chieh Kwong | 380957 |
| Julaina Wong Swee Yen | 380959 |
| Jan Nyut Moi | 380960 |
| Koo Siew Wee | 380961 |
| Liaw Yoon Foong | 380964 |
| Pong Khen Sen | 380966 |
| Razali bin Piut | 380967 |
| Sia Guek Eng | 380968 |
| Dk Siti bte Pg Tajuddin | 380969 |
| Tang Liang Sui @ Chen Leong Swee | 380970 |
| Yong Siew Kong | 380973 |
| Dolores Goh Seng Lian | 380974 |
| Fam Chai Yin | 390110 |
| Foo Moi Kiaw | 390111 |
| Foo Boon Seng | 390112 |
| Ja'afar bin A. Besar | 390113 |
| Janudin bin Kumit | 390114 |
| Lai Ban Fui | 390115 |
| Loh Tshu Lian | 390118 |
| Lim Chai Seng | 390120 |
| Lim Siong Kee | 390121 |

## Ikuti kursus di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dan empat orang Wader dari Jabatan Penjara kini sedang berada di-Singapura untok mengikuti kursus pemerhatian dan penempatan praktikal.

Dua orang pegawai itu, Awang Ahmad bin Dullah dan Awang Mohammad bin Awang Damit akan mengikuti kursus tersebut sa-lama empat bulan sementara Wader2 Awang Md Yusof bin Suhaili, Awang Yaakub bin Haji Wahab, Awang Bara bin Kassim dan Awang Roseli bin Haji Tudin akan mengikuti kursus sa-lama tiga bulan.

## Anggota2 AMDB berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang pegawai dan anggota pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan di-hantar untok mengikuti berbagai jenis kursus di-seberang laut untok meluas dan menambahkan kemahiran serta kerjaya mereka di-bidang ketenteraan dan am.

Enam orang anggota dari Bengkel pasokan itu akan mengikuti kursus Mekanik Kenderaan Kelas II sa-lama enam bulan di-Republik Singapura. Mereka ia-lah perajurit-perajurit Ahmad bin Amit @ Hamit, Nasir bin Haji Hidup, Dahlan bin Hashim, Mohd Rais bin Besar, Yakup bin Selasa dan Zaini bin Maidin. Kursus tersebut akan bermula pada 22hb September.

Sa-orang lagi dari Bengkel pasokan itu, perajurit Ampuan Rahman bin Ampuan Salleh akan mengikuti kursus Asas Elektronik di-Sekolah Chawangan Udara, Nee Soon Kem mulai 22hb September hingga 14hb Mach, 1980.

## *Barang2 yang di-larang di-bawa ka-Arab Saudi*

BERIKUT ia-lah senarai barang2 yang di-larang untok di-bawa bersama oleh jemaah2 haji saperti mana yang di-arahkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara, Kerajaan Arab Saudi tahun ini.

Oleh yang demikian jemaah2 haji Brunei dengan ini adalah di-ingatkan untok mengambil makloman bersama mengenai arahan berkenaan demi untok keselamatan dan kelancharan penerbangan yang akan di-lakukan bagi musim haji tahun ini.

1. Senjata api dan semua jenis keperluan peperangan.
2. Garam sejok saperti ENO kechuali dengan izin kerajaan.
3. Alat mainan api yang berupa senjata saperti roket, merchun dan bunga api.
4. Semua minuman keras, dadah, mopin, heroin, chandu atau semua barang yang memabokkan.
5. Pil-pil yang memabokkan dan terlarang.
6. Semua jenis minuman tonik yang berchampor dengan alkohol.
7. Ubat-ubat yang merbahaya kechuali dengan izin Kementerian Kesihatan.
8. Semua ubat2 doktor yang merbahaya kechuali yang di-izinkan oleh Kementerian Kesihatan.
9. Penerbitan yang tidak sopan dan bertentangan dengan Aqidah Islam.
10. Gambar2 luchah atau sa-bagai-nya atau barang2 yang mengandongi tanda salib ( + ).
11. Ukiran2 yang berbentok tuboh dengan maksud untok di-jual-belikan.
12. Filem wayang gambar kechuali Filem Kebudayaan yang di-persetujui oleh Kementerian Penerangan begitu juga alat2 perakam cassette kechuali yang di-izinkan oleh Kementerian Penerangan.
13. Alat perhubongan saperti walkie-talkie kechuali kepunyaan kerajaan dan sesudah di-kemukakan kapada Kementerian Perhubongan.
14. Pistol2 mainan yang mempunyai suara yang menakutkan.
15. Senapang2 mainan kanak2 belajar menembak kechuali yang ada izin Kementerian Dalam Negeri.
16. Barang2 yang bertulis harga kerajaan di-atas-nya.
17. Semua sibaran di'ayah kominis atau yang bertentangan dengan Aqidah Islam atau dasar kerajaan.
18. Barang2 yang berchap dengan bintang 6 atau chogan2 kata musoh.
19. Ubat2 menuba ikan.
20. Gula2 berbentok rokok dan apa saja yang berbentok di'ayah-di'ayah rokok.
21. Semua jenis yang mengkhayalkan samada minyak, makanan yang merbahayakan kesihatan orang awam.
22. Tasbih2 yang berwarna hitam samada di-buat dari plastik dan kacha atau apa saja yang sama dengan-nya.

## Harga gas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah pun mengumomkan harga2 bagi kedua2 jenis gas kegunaan harian kita baru2 ini.

Harga2 gas, (LPG) yang di-tetapkan pada tengah malam 20hb Ogos lalu itu ia-lah $10 bagi gas 26 paun dan $34.56 bagi gas 96 paun.

## Penuntut2 MPUSB tinjau AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 50 orang penuntut dari Maktab Perguruan Ugama telah membuat lawatan sambil belajar ke-Perkhemahan Bolkiah pada hari Khamis lalu.

Rombongan tersebut telah di-bawa melawat ka-Muzeum Regimen Askar Melayu Diraja Brunei dan telah di-berikan penerangan mengenai dengan penubohan muzeum tersebut oleh Major Dato S.D. Butterell dan beberapa orang kakitangan muzeum tersebut.

Penuntut2 itu kemudian-nya telah di-bawa melawat ka-bengkel pasokan dan pusat pelajaran serta ka-komplek Askar2 Muda yang terletak di-perkhemahan. Mereka juga telah berkesempatan melihat pertunjokkan menembak yang di-adakan pada hari tersebut.

ntisari RTB minggu ini

## ...wazah minggu ini

...gan ini di-kenalkan oleh Bahagian Melayu ...-bagai salah satu dari ranchangan2 mingguan- ...poh satu tahun enam bulan yang lalu, pehak ...dapat kerjasama yang sangat mengalakkan dari ...tama-nya dari siswazah Brunei sendiri. Boleh ... perengkat siswazah yang baru sahaja lepas ...hingga-lah membawa kapada siswazah kita ... lama berkhidmat dan berpengalaman telah ... menggambongkan diri mereka dalam satu ran- ... yang di-panggil 'Siswazah Brunei'.

...enjadi kebanggaan kami di-Perkhidmatan Me- ...nei, dalam usaha mengendalikan ranchangan ...penyertaan siswazah kita yang tidak kurang dari ...-nya dari mula2 ranchangan ini di-kenalkan ... ini. Dan kami penoh berkeyakinan bahawa ... tidak sa-takat itu saja, malah banyak lagi ... belum berkesempatan di-undang untok ...n ini. Antara penyertaan yang menjadi ... kami chatetkan dalam sejarah perkhid- ... kami ia-lah atas penyertaan; Yang Teramat ...hat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia ...rinda Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia ...ato Seri Laila Utama Awang Isa; Yang Ber- ... Negara Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran ...raja Pengiran Bahrin; Yang Berhormat Penge- ... Ugama Brunei, Pehin Orang Kaya Ratna ...ri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji ... Berhormat Kadhi Besar Brunei, Pehin Datu ...ka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal; ... Peranchang Ekonomi Brunei, Datin Hajjah ... Lawie, dan siswazah2 yang lain2-nya.

...kan usia ranchangan ini sudah lebeh sa-tahun ... juga di-ma'alumkan bahawa mulai 1hb Sept- ...changan tersebut akan kami undurkan dahulu ...waktu, dan kami akan berusaha pula akan men-

... yang telah berkesudian dalam menjalan- ... Melayu Perkhidmatan Radio dan RTB ...chapkan terima kaseh yang tidak sudah2.

## ...a2 penderma kapada ...bong Anak2 Yatim

...a Lagu2 Permintaan Anak2 Yatim yang di- ...agian Melayu Radio Brunei pada hari Ahad ...

| NAMA | PENDERMA |
|---|---|
| ...inda Kifli | $20.00 |
| ...ah Awang Petra | $10.00 |
| ... Hawa Kasim | $10.00 |
| ... Nama | $ 5.00 |
| ... Masni Pg Ahmad | $ 5.00 |
| ... Haji Ahmad | $ 5.00 |
| ...a Nangkat | $ 5.00 |
| ...ah Budin | $ 5.00 |
| ...ah A. Hussin | $ 3.00 |
| ... Nora dan Asiah Anchin | $ 2.00 |
| ... Jait | $ 2.00 |
| ... Mohd Zin | $ 2.00 |
| ...na Abdullah | $ 2.00 |
| ... Hitam | $ 2.00 |
| ...ah Haji Camli | $ 2.00 |
| ...ukifli Mohammad | $ 2.00 |
| ...kiah Md Salleh | $ 2.00 |
| ...i Joe Maidin | $ 2.00 |
| ... Ibrahim | $ 2.00 |
| ... Siti Nirmala Pg Haji Mohammad | $ 1.00 |
| ...ah Hassan | $ 1.00 |
| ...hammad Ali Hassan | $ 1.00 |
| ... Ayu | $ 1.00 |
| ...zaina Abdullah | $ 1.00 |
| ...i Ali | $ 1.00 |
| ...ar Haji | $10.00 |
| ...yah T. | $10.00 |
| ...a Chin | $ 6.00 |
| ... dan Hamdan Abdullah | $ 6.00 |
| ... Norwati Mohamad Noor | $ 5.00 |
| ...ah Haji Kapitan | $ 5.00 |
| ...ah Bungsu | $ 5.00 |
| ...ah Kurus | $ 4.00 |
| ... H.R. | $ 4.00 |
| ...uriani Matussin | $ 3.00 |
| ... Sufian Tengah | $ 3.00 |
| ...ya Hakim | $ 2.00 |
| ...un Khamis | $ 2.00 |
| ...ah H.S. | $ 2.00 |
| ...i Serudin | $ 2.00 |
| ... | $ 2.00 |
| ...al Afdillah | $ 2.00 |
| ...shima Sham | $ 1.00 |
| ... Allah | $ 1.00 |
| ... Tengah | $ 1.00 |
| ...orhayati Mohd Yaman | $ 1.00 |
| ...yah Haji Kadir | $ 1.00 |



# "Flesh and Blood" — siri baru bermula esok

"FLESH AND BLOOD" — satu siri baru yang di-mulakan esok pada jam 7.15 malam.

"Flesh and Blood" me-ngesahkan tentang Bobby Fallon (Tom Berenger), sa-orang penganggor yang menjadi petinju, dan ibu-nya yang jelita dan kese-pian, Kate (Suzanne Ple-shette). Ia berkahwin dan menjadi ibu tatkala ber-umor belasan tahun, Kate telah di-tinggalkan oleh suami-nya ketika Bobby maseh kechil lagi. Oleh kerana ia tidak dapat me-lupakan akan hubongan-nya dengan Fallon, Kate berpindah-randah dari satu bandar ka-sebuah bandar yang lain dan dari sa-orang lelaki kapada lelaki yang lain, dengan mem-bawa Bobby bersama-nya, satu2-nya orang yang ma-seh ada dalam hidup-nya yang amat bererti sekali bagi-nya.

Bobby menchapai umor belasan tahun sa-bagai pemuda yang gagah de-ngan kebolehan berlawan yang semula jadi yang di-perolehi-nya tatkala mun-dar-mandir di-jalanraya2 hingga-lah perkelahian-nya ini menyebabkan-nya menghadapi hukuman pen-jara.

Di-sana ia di-temui oleh sa-orang pengurus tinju yang bededikasi (John Cassavetes) yang mahu menjadi anak muda itu sa-bagai sa-orang profeshenal. Tetapi keinginan Bobby ini terancham oleh sikap-nya yang tidak penyabar untok menchapai kejayaan dan juga kehendak emosi-nya yang saling bergantong hidup di-antara diri-nya dan ibu-nya.

Gambar kiri: Bobby Fallon (Tom Berenger) dan pengurus perlawanan (John Cassavetes) dua orang pelakun yang akan awda saksikan dalam siri "Flesh And Blood", pada malam esok jam 7.15 ma-lam.

# RANCHANGAN TVP — DARI 8HB HINGGA 13HB SEPT

## ISNIN — 8HB SEPT

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Waktu'
Waktu atau masa ada-iah sangat pen-ting di-beri perhatian pada masa ini. Kegiatan kita sa-hari2 ada-lah di-tentu-kan oleh waktu saperti masa bersekolah, masa rehat dan balek sekolah.
Waktu di-tentukan oleh jam. Ber-bagai2 jenis jam telah di-chipta semen-jak beratus-ratus tahun yang lalu. Ba-gaimana-kah keadaan yang jam yang mula2 di-gunakan sa-belum jam saperti sekarang ini di-chipta. Ikuti-lah ran-changan ini untok mengetahui-nya.



Jam matahari.




Jam dian.

10.30 KAP KAP UDANG 166
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BELON SI-MANIS, AMIN, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan de-ngan sa-orang budak nakal bernama Jack. Cherita ini bertajok 'Nancy dan adek-nya Jack'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 166

## SELASA — 9HB SEPT

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Waktu'

10.30 KAP KAP UDANG 167
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti saperti MARI BERLAKON, MENGATOR GAMBAR, SI-MANIS, AMINAH, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAK-TI.
Di-ruangan MARI BERLAKON, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon jadi unggat papan di-taman permainan kanak2.
Tajok MENYUSUN GAMBAR kali ini ia-lah 'Jatoh dari Ayunan'.
Di-SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok "Tali-vishen".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 167.

## RABU — 10HB SEPT

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Waktu'

10.30 KAP KAP UDANG 168.
Kanak2 akan dapat menyaksikan akti-viti2 saperti BERMAIN MUSIK, ME-NYANYI SAMBIL BERGAYA, BER-SENAM, MAIN KIM, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.
Chegu Sa'diah akan menggunakan ang-ka2 1 hingga 6 untok sudut MAIN KIM.
Chegu Sa'diah akan mengajar lagu 'La-bah-labah Hitam' di-sudut MENYA-NYI SAMBIL BERGAYA.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 168.

## KHAMIS — 11HB SEPT

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Waktu'

10.30 KAP KAP UDANG 169
Di-dalam ranchangan kali ini aktiviti2 yang akan di-perlakukan ia-lah BER-MAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMIN, BERMAIN BOLA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAK-TI.
Chegu Sa'diah akan menggunakan ang-ka2 dari 1 hingga 6 untok sudut TUN-JOK BENDA.
Di-HALAMAN BERCHERITA, Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan de-ngan 'Andy membuat kueh'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 169.

## SABTU — 13HB SEPT

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 170
Ranchangan kali ini akan di-muati de-ngan aktiviti2 saperti KETUA KESE-LAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, AMINAH, BOLA TUMBOK, HALA-MAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Amaran KETUA KESELAMATAN kali ini ia-lah supaya kanak2 semua jangan bermain dengan tin2 spray.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan de-ngan 'Kambing yang chuai.'

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 170.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Bengkel Radio (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/ Menunaikan Sembahyang. MALAM : 7.00 — Seiring Jalan; 7.30 — Siswazah Brunei (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30— Salam Mesra (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek Ku (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30— Sinar Chahaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 — Menjelang Rehat. PETANG : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Majallah Ugama/ Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Koran; 6.15 — Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Hidayat; 9.30 — Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 8.45 — Selingan Irama; 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG : 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00 — Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30 — Chitrawara (SU); 5.00— Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30— Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Waria Peristiwa (SU); 10.30 — Saring Jalan (SU); 11.00 — Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI : 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG : 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00 — Chitra Irama; 4.30 — Tunas Pendidek; 5.00 — Dunia Minggu Ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Purbawara (Diang Dangan); 9.00 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30— Album Penyanyi. T/HARI : 12.00 — Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Bengkel Radio; 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Poli Diraja (SU); 9.00 — Rampai Sari Hiboran; 9.30 — Antarabangsa (Duty Ann); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI : 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00— Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Salam Mesra. T/HARI : 12.00 — Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita— Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang akan memileh lagu2 kegemaran-nya dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Ak Mohd Shahmir akan ka-udara pada malam ini jam 9.30 malam. Dan siaran ulangan-nya hari Khamis, jam 8.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON : 12.00 — Melody Time. PM : 12.30 — News; — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.50 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Thursday's Bandwagon; 11.45 World of Education. NOON : 12.00 — My Music — 234/241; 12.30 — News; 12.45 — Frank Muir Goes Into; 1.15 — Radio Doctor by Ideris Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Sixty-Minute Theatre: "Dog In A Manager" by Jill Hyem; 9.00 — Break for Music (repeat); 9.15 — News; 9.30 — International Prize Winners of the ARD Competition in Munich, Programme: 8 M. Marshall; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Literature for 'O' Level: Great Expectations Programme 4; 11.45 — Light Music From The Netherland. NOON : 12.00 — Radioscope by Vivianti Ali; PM : 12.30 — News; 12.45 — John Fox Presents; 1.15 — The Early Days of Flying—Prog: 4, Pilots at Sea; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Radio Doctor (repeat); 8.15 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlays Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy; 11.30 International Call. NOON : 12.00—Stringsound. PM : 12.30—News; 12.45 Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Book Club; Taken at the Flood by Agatha Christie; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Women's World by Veronica Shim. NOON : 12.00 — Top of the Pops (repeat). PM : 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Belait At One by Andrew Pastouna and Ideris Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Frank Muir Goes Into; 8.15 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak Hisamuddin; 9.15—News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON : 12.00—I am Sorry I'll read that again. PM : 12.30—News; 12.45 —Science Potpourri produced by Jaafar Yaakob; 1.15 — Break For Music; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement English Literature for 'O' Level "Great Expectations" Programme 4 : (repeat); 8.45 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special. NOON : 12.00 — Just A Minute. PM : 12.30 — News; 12.45 — A Shrot Guide to Musical Instrument — Prog 13 : "The Double Bass"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Gonzales" Side 1; 8.30— Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Belait At One (repeat); 10.00 — Close Down.



GAMBAR atas kelihatan ketika achara permainan sokan dalam di-adakan sa-masa Kursus Sivik bagi Penuntut2 Brunei di-Seberang Laut yang berlangsong di-Pusat Belia pada minggu ini.

Kursus sa-lama lima hari itu di-hadhiri oleh lebeh dari 100 orang penuntut Brunei yang sedang berchuti di-tanah ayer. Lain2 gambar semasa kursus itu di-siarkan di-muka 8 dan 11.

### Sempena Hari Keputeraan DYMM ke-34 tahun:

## Berbagai achara sokan akan di-jalankan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berbagai-bagai achara sokan akan di-adakan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun di-seluroh negeri pada bulan September ini.

Di-Daerah Brunei dan Muara kejohanan badminton terbuka bagi pendudok-pendudok kampong kawasan Mukim Sengkurong anjoran Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong akan di-mulakan lewat bulan ini.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada lima bahagian ia-itu bahagian perseorangan dan bergu lelaki, perseorangan perempuan, perseorangan lelaki 18 tahun kebawah, perseorangan lelaki veteran 35 tahun ka-atas dan kejohanan berpasangan lelaki dan perempuan (Bergu Champoran).

Perlawanan gasing yang terbuka kapada kampong2, persatuan2 belia dan badan-badan kebajikan di-seluroh negeri juga akan di-jalankan. Kejohanan ini di-anjorkan oleh Majlis Belia-Belia Negeri Brunei dan di-kendalikan oleh Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong.

Dalam achara bolasepak pula, Persatuan Perkasa akan mengendalikan perlawanan bolasepak tujoh sa-pasokan yang hanya terbuka kapada belia-belia yang berumor 20 tahun kebawah.

Perlawanan kali yang kedua itu hanya terbuka kapada kampong2, kelab-kelab, persatuan2 belia, di-sekitar kawasan Kampong Ayer.

Sementara Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara menganjorkan perlawanan bolasepak lima orang sa-pasokan yang terbuka kapada sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluroh negeri.

DAERAH BELAIT

Di-Daerah Belait, Ahli2 jawatan-kuasa perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengatorkan berbagai-bagai achara sokan antara-nya termasoklah perlawanan bolasepak yang terbuka kapada pendudok-pendudok di-daerah itu.

Perlawanan itu di-bahagikan kapada lima bahagian — bahagian jabatan kerajaan Daerah Belait, pemain2 berumor 30 tahun ka-atas yang terbuka kapada sharikat2 swasta, firma2, kampong2 dan kawasan, pemain berumor 40 tahun ka-atas bagi kawasan2 dan kampong-kampong, pemain berumor 16 tahun kebawah bagi kawasan2 dan kampong2, pemain 7 orang sa-pasokan yang terbuka kapada persatuan2, kelab-kelab, jabatan2 kerajaan, sekolah2 menengah dan maktab, sharikat swasta dan firma2.

Majlis Belia-Belia Daerah Belait juga tidak ketinggalan dalam menyerikan achara sokan di-daerah ini ia-itu dengan menganjorkan perlawanan sepak takraw yang terbuka kapada pendudok2 di-daerah ini. Kejohanan ini di-bahagikan kapada lima bahagian.

Kejohanan yang pertama ia-itu bagi merebut Piala sumbangan Awang Ibrahim bin Momin, Piala sumbangan Pengurus Sharikat Berlima, Piala sumbangan Yang Berhormat Malai Haji Damit dan kejohanan Daerah.

Sementara di-Daerah Tutong pula, perlawanan sepak takraw anjoran bersama Persatuan Lubok Pulau dan Bukit Sibut juga akan di-adakan dan kejohanan ini hanya terbuka kapada sekolah2 menengah dan maktab, jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan belia dan pehak2 awam yang tinggal di-kawasan Daerah Tutong.

# LUMBA BASIKAL TAHUN INI DI-JANGKA HEBAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lumba Basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan pada tahun ini akan mempunyai sa-jauh 74 batu berbanding dengan pada tahun lepas yang hanya 72 batu.

Ini ia-lah kerana perlumbaan pada tahun ini akan melalui jalan round about di-Lapangan Terbang, Antarabangsa, Berakas dan seterus-nya menuju ka-Jalan Muara dan masok Jalan Pancha Delima dan Jalan Kebangsaan sa-belum menamatkan perlumbaan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Demikian telah di-nyatakan oleh Setiausaha Agong, Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu.

Perlumbaan yang di-kelolakan oleh Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei itu akan di-adakan pada 9hb. Nobember tahun ini dan ia-nya di-adakan ada-lah sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Menurut beliau, perlumbaan pada tahun ini akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu bahagian perseorangan dan berpasokan (empat orang sa-pasokan) yang mana dalam lumba berpasokan sharat-sharat bagi mengira mata kemenangan ia-lah sekurang2-nya tiga orang mesti menamatkan perlumbaan itu.

Pg Haji Mohammad menjelaskan di-samping pelumba2 tempatan, peserta-peserta dari Sabah dan Sarawak juga akan di-undang untok menyertai perlumbaan tersebut.

Menurut beliau, Sarawak di-jangka akan menghantar ramai lagi pelumba-pelumba mereka berdasarkan yang pasokan Sarawak pernah memenangi tempat yang ketiga dalam bahagian berpasokan dan munchol sa-bagai johan dalam bahagian perseorangan.

Beliau menggesa pelumba-pelumba tempatan supaya akan lebeh berusaha dengan lebeh gigih lagi ia-itu dengan mengadakan latehan2 yang intensif pada memberikan tentangan yang hebat kapada pelumba2 dari Sarawak dan Sabah yang sudah memang terkenal sabagai pasokan yang kuat dan mahir dalam perlumbaan lumba basikal.

Tetapi kata-nya lagi, dalam mengadakan latehan-latehan sa-umpama itu para pelumba2 tempatan harus-lah mematohi segala peratoran2 jalan-raya yang telah di-kenakan oleh pehak-pehak tertentu demi untok mengelakkan sa-barang kemalangan berlaku dan pada mengelakkan sa-barang kesesakkan lalu-lintas.

"Dan seboleh2-nya adalah di-ingatkan dan di-nasehatkan kapada pelumba-pelumba tempatan supaya menghindarkan daripada berlateh di-waktu malam", ujar-nya dengan penoh harapan.

Ini ia-lah kerana kata-nya, memandangkan yang ada sa-tengah2 pelumba2 tidak mematohi atoran2 yang telah di-tetapkan oleh ahli2 jawatankuasa perlumbaan seperti tahun lepas di-mana jawatankuasa penganjor perlumbaan sendiri telah di-tegor oleh pehak berkenaan di-sebabkan perbuatan sa-umpama itu.

Perlumbaan pada tahun ini akan di-taja oleh Hua Ho Agricultural Farm, Jalan Muara, Brunei.

BELIA DAN SOKAN

## Kejohanan chator bagi Daerah Tutong

TUTONG. — Ahli-ahli jawatankuasa Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini menganjorkan kejohanan chator yang akan di-jalankan pada hari Isnin 15hb. September di-Dewan Sekolah Sufri Bolkiah di-sini mulai jam 8.00 pagi.

Perlawanan yang di-anjorkan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun itu hanya terbuka kapada belia2 di-daerah ini yang berumor 18 tahun kebawah.

Borang2 penyertaan serta butir2 lanjut mengenai dengan kejohanan itu boleh di-dapati sekarang dari Awang Abd. Rani bin Ismail, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan Awang Nordin bin Haji Mat Daud di-Pejabat Penchen Daerah Tutong.

Semua borang2 pendaftaran yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari tarikh penutop itu dan borang2 yang terlewat sampai tidak akan di-layan.

## Perlawanan pingpong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pingpong Amatur Negeri Brunei akan menganjorkan perlawanan pingpong bersempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-34 tahun.

Perlawanan tersebut akan di-adakan sa-chara berpasokan lelaki dan perseorangan perempuan dan akan di-mulakan pada pertengahan bulan ini.

Borang2 masok dan sharat2 bertanding boleh di-dapati dari Pejabat Bahagian Pendidekan Jasmani, Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait dan dari Che'gu Md Yusof bin Tahir, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Borang2 hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13hb September ini.

## Temasha lumba perahu di-Tutong

TUTONG. — Temasha lumba perahu yang merupakan salah satu achara tahunan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi Daerah Tutong akan di-adakan di-Sungai Tutong pada 17hb September.

Butir2 lanjut dan borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari Setia Usaha Jawatankuasa, Awang Suhaimi bin Abu Bakar, Pejabat Pertanian atau Awang Nordinkin bin Haji Mohammad Daud, Pejabat Penchen, Pekan Tutong.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb September.

## Peraduan seni lukis dan kerjatangan

KUALA BELAIT. — Peraduan seni lukis dan kerjatangan anjoran jawatankuasa Tertinggi Hari Keputeraan DYMM Baginda Sultan kali yang ke-34 tahun akan di-adakan pada 24hb-25hb. September bertempat di-Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait mulai jam 8.00 pagi.

Peraduan itu hanya terbuka kapada pendudok2 di-daerah ini sahaja dan ia-nya di-bahagikan kapada empat bahagian: —

a) perengkat dewasa berumor 18 tahun kebawah.

b) perengkat sekolah2 menengah.

c) perengkat sekolah2 rendah persediaan.

d) perengkat pra sekolah.

Borang2 serta keterangan lanjut mengenai dengan peraduan itu boleh di-dapati dari Setiausaha Peraduan, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait. Dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari Sabtu 13hb. September, 1980 jam 12.30 petang.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, ber-ugama Islam mengikut Ma-zhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah, untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. PENDAFTAR MAHKAMAH KADZI :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 25 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mem-punyai salah satu daripada kelayakan2 berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa de-ngan mendapat kelu-lusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Penge-tahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

c) Hendak-lah mempunyai pengalaman yang luas da-lam urusan2 Mahkamah dan pendaftaran nikah kahwin serta urusan2 pen-tadbiran pejabat.

d) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.

e) Chalon2 yang tidak mem-punyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah ber-khidmat dengan Kerajaan saperti salah satu daripada yang di-nyatakan di-bawah boleh-lah di-pertimbang-kan.
   i) Penolong Pendaftar Mahkamah Kadzi yang telah berkhidmat sa-lama 7 tahun dan 3 tahun dalam jawatan itu;
   ii) Pegawai2 Kerajaan yang telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam urusan2 Mah-kamah dan pendaftar-an nikah kahwin serta urusan2 pentadbiran pejabat.

**Tangga Gaji :**
C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

2. PENGAWAS TINGKAT KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 25 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mem-punyai salah satu daripada kelulusan berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa de-ngan mendapat kelu-lusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Penge-tahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

c) Hendak-lah tahu mem-bacha dan menulis Jawi.

d) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 mengawas bangunan2 saperti rumah pangsa, masjid2, rumah2 kediaman serta mempunyai pengetahuan mengenai pe-masangan letrik dan yang berhubong dengan-nya.

e) Mempunyai pengetahuan dalam mengelolakan kon-trek2 kechil dan menyelia pekerja2 rendah.

f) Chalon2 yang tidak mem-punyai pengalaman dan ke-lulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kera-jaan tidak kurang dari 10 tahun serta mempunyai pe-ngalaman yang luas saperti yang di-nyatakan di-(d) dan (e) di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

BANGUNAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mem-punyai salah satu daripada kelulusan berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa de-ngan mendapat kelu-lusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Penge-tahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
   iii) Sijil Rendah Pelajar-an atau yang seban-ding dengan-nya de-ngan sharat lulus ma-ta-pelajaran Pengeta-huan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah ber-khidmat dengan Kera-jaan sekurang2-nya tiga tahun.

c) Hendak-lah mempunyai pe-ngalaman perkara2 ber-ikut :—
   i) Pengawasaan dan pe-meliharaan bangunan saperti rumah2 pangsa dan masjid;
   ii) Penyeliaan pekerja2 rendah;
   iii) Pengelolaan kontrek2 kechil.

d) Hendak-lah tahu mem-bacha dan menulis Jawi.

e) Chalon2 tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat de-ngan Kerajaan tidak ku-rang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara2 yang di-nyatakan di-(c) di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

4. PENGAWAI PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mem-punyai salah satu daripada kelulusan berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa de-ngan mendapat kelu-lusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Penge-tahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
   iii) Sijil Rendah Pelajar-an atau yang seban-ding dengan-nya de-ngan sharat lulus ma-ta-pelajaran Pengeta-huan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah ber-khidmat dengan Kera-jaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dan mempunyai pengala-man dalam kerja2 Per-pustakaan.

d) Chalon2 yang tidak mem-punyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah ber-khidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima ta-hun serta mempunyai pe-ngalaman dalam kerja2 Perpustakaan boleh-lah ju-ga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D.3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

5. PEMBANTU MAKMAL

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mem-punyai Sijil Rendah Pela-jaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempu-nyai Sijil Darjah VI Seko-lah Ugama.

c) Hendak-lah tahu memba-cha dan menulis Jawi.

d) Chalon2 yang tidak mem-punyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, te-tapi telah berkhidmat de-ngan Kerajaan tidak ku-rang dari tiga tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 Makmal bo-leh-lah juga di-pertim-bangkan.

**Tugas2 :**

i) Menjaga barang2 dalam simpanan makmal. Menye-diakan barang2 untok per-chubaan (experiments). Memperbaiki dan memeli-hara alat2 makmal dan lain2 tugas sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua Sekolah itu.

ii) Menjadi Pembantu 'Am kapada Guru2 di-dalam makmal. Menyediakan ba-han2 dan alat2 untok ke-gunaan darjah. Bertang-gong-jawab supaya alat2 di-simpan dalam keadaan baik. Lain2 tugas sa-bagai mana yang di-fikirkan per-lu oleh Pengetua Sekolah itu.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

6. PENGHANTAR SAMAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun.

b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II.

c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.

**Tangga Gaji :**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

7. KETUA TUKANG MASAK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Pernah mengikut sebarang kursus memasak.

c) Mempunyai pengalaman memasak sekurang2-nya sa-lama 3 tahun saperti di-asrama2 sekolah.

d) Mempunyai pengetahuan dalam menyelia Tukang Masak, menjaga dan me-mereksa barang2 yang di-bekalkan serta menyedia-kan jadual2 makanan dan minuman.

**Tangga Gaji :**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Septem-ber, 1980.

(E/345/72)
(Bil : 111/1980)

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 139 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th September, 1980 for :—

TO REMOVE OLD EX-ISTING WATER PROOF-ING MATERIAL AND TO SUPPLY AND LAY NEW ROOFING TO GOVERNMENT REST HOUSE (EX-PUSPA HOTEL) BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 140 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th September, 1980 for :—

REPAIR AND FULL RE-DECORATION OF BAR-RACK BLOCK 'A' No. 43 TO 52, WARDERS BARRACKS JERUDONG JAIL, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 141 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th September, 1980 for :—

REPAIR, ALTERATION, EXTENSION AND RE-PAINTING THE EXTER-NAL AND INTERNAL OF SEKOLAH MELAYU JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 142 OF 1980**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th Sept-ember, 1980 for :—

SUPPLY C.I.F. P.W.D. BRUNEI ONE (1) UNIT — FLAT TOP TRUCK 3½ TO 4 TON LOAD CAPACITY WITH 3 TON METER HIAB CRANE.

Tender documents may be seen and all particulars ob-tained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 143 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th September, 1980 for :—

IMPROVEMENT/CONS-TRUCTION OF R.C. DRAIN AND SUMPS IN BANDAR SERI BEGA-WAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 144 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th September, 1980 for:—

TURFING OF ROAD SIDE SLOPES, OTHER SLOPES AND SURFACES AT KAMPONG MATA-MATA PROPOSED RE-SETTLEMENT AREA, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 145 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th September, 1980 for:—

TO REMOVE OLD EX-ISTING WATER PROOF-ING MATERIAL AND TO MAIN OFFICE BUILD-ING, POLICE HEAD-QUARTERS, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### TENDER NOTICE EDUCATION DEPT., BRUNEI

TENDERS are invited for the supply of the following items for the Pusat Latehan Tekni-kal Brunei, Jalan Muara.

1 **only Horizontal Metal Bandsawing Machine 6" capacity with bar supports 440V 3PH.**

1 **only Granite Surface Table size 5' x 3' com-plete with metal stand.**

1 **only Heat Treatment Fur-nace, Electric, size 15" x 7" x 5" complete with thermocouple. To pro-duce temperatures up to 1000°C. 240V 1PH.**

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Tender for Materials Teating Equipment", with no indication of the name of the tenderer, and addressed to the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, State of Brunei not later than 12.00 noon on Saturday 13th September 1980.

Any tender not properly addressed or received after the stipulated time and date will be rejected.

Date of delivery must be stated on the tender.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR PASSENGER LIFT INSTALLATION FOR PROPOSED HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Specialist Contractors and Lo-cal Representative of Inter-national Manufacturers up to 12.00 noon, 30th September, 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be reject-ed.

3. Tenders must be submit-ted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PASSENGER LIFT IN-STALLATION FOR PRO-POSED HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Cham-bers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 8th September 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be $500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful ten-derer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory con-dition to the Engineer's office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce docu-mentary evidence that he is a Class 'A' or Specialist Contrac-tor or Local Representative of an International Manufac-turer.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Supply of earthfill to Kg Mata-Mata Gadong (Resettle-ment Area) — Fung Fock Choon — $68,400 — 6 months.
2 Construction of 2 blocks x 4 units barracks for KB — Hong Kay Const Co — $424,650 — 8 months.
3 Construction of 4 box culverts at Mile 4½ Jalan Tutong/Gadong link — Pyramid Const — $177,296 — 4½ months.
4 Construction of duct route to SUK Building — Ho & Far Const — $14,334 — 3 weeks.
5 Erection of a steel platform for standby generating station, Flotilla Base — Jan Sea Lan Ironworks — $16,800 — 2½ months.
6 Additions and alterations (drill tower and smile chamber) for First Flotilla — Sung Lee & Chu Const Co — $198,195.65 — 6 months.
7 Construction of drain and retaining walls to connect exist-ing drains at Seri Complex — Purnama Const — $23,859 — 3 months.
8 Supply of crusher-run stones to parking area, PWD Transport Complex, Old Airport Road — Chop Hock Huat — $96,800 — 5 weeks.
9 Construction of barracks for District Officer, KB — Sh Pemborong Wataniah — $628,318 — 7 months.
10 RC drains along Jalan Setia Pahlawan — Foo Yun Yun — $77,840 — 8 months.
11 Construction of one block Class 'G' for PWD at Labi — Wong Siew Sing — $141,180 — 7 months.
12 Repair and repainting to SM Ahmad Tajuddin, KB and SMM Alam, Seria — Sh Pembangunan Negara — $93,787 — 6 months.
13 Demolition of 2 aluminium buildings Nos. PWD 879 and 890, Jalan Kumbang Pasang — POKM Dato Hj Zainal Abdul Rahman — $1,400 per month.
14 Construction of office extension at Sinaut Training Cen-tre — Lien Enterprise — $199,600 — 3½ months.
15 Additional classrooms at Bolkiah Camp — Sh Pembangu-nan Persahabatan — $235,344.19 — 3½ months.
16 Supply of galvanised steel pipes (No. 30/80) — Kheng Hoe Pte Ltd — $501,155 CIF Brunei.
17 Passenger lift installation for Education/Welfare, Youth & Sports/Audit Building — Kwek Eng Co — $370,000 — 13 months.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMANDU KERETA TINGKAT II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Kereta Tingkat II di-Pejabat Jasa Usaha Kerajaan Bahagian Sukatan dan Timbangan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka sa-harus-nya terdiri dari pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis di-dalam Bahasa Melayu, mempunyai pengetahuan mengenai dengan jalan2raya di-seluroh negeri dan bersedia bekerja di-luar masa bekerja biasa jika di-kehendaki.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

F.2-3-4 EB.5—$390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb September, 1980.

(E/28/79)
(Bil: 110/1980)

## TENDER NOTICE

**LAUNDRY CONTRACT — 1ST BN ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. Saturday 13th September 1980.
2. The Contract will be for a period of 2 years from the date of signing the contract.
3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication of the envelope of the name of the tenderer. The job tendered for must be clearly shown on the envelope and the wording should be :

"LAUNDRY CONTRACT 1ST BATTALION ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT".

4. Tender forms and special conditions for the Laundry Contract may be obtained from DAQMG 2, Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours upon receipt of a deposit of $500.00.
5. The Brunei Government does not bind to accepting the lowest tender.

## JUALAN LELONG

ADA-LAH dengan ini di-beri notis ia-itu jualan lelong barang2 yang tersebut di-dalam jadual di-bawah akan di-adakan pada 11hb September, 1980.

Lelongan ini ada-lah bersharat berikut:—

1. Pembeli yang berjaya hendak-lah membayar dengan wang tunai dan memindahkan barang2 yang di-beli-nya tidak lewat dalam 7 hari dari hari perlelongan.
2. Pembeli yang berjaya hendak-lah juga membayar chukai kastam jika perlu.
3. Apa2 barang yang telah di-beli tetapi tidak di-pindahkan dalam tempoh 7 hari tersebut akan di-rampas kembali dan di-jual semula.

**JADUAL**

**Bil. Butir2 Keterangan Benda:**

1. Electrically Adrema Embossing Machine Model 400-3r.
2. Electrically Adrema Printing Machine Model 90 (Addressing Machine)
3. Embossing Machine.
4. (59) Chair
5. (75) Chair
6. (155) Chair
7. (50) Chair
8. (78) Chair
9. (489) Typewrite 'Remington'
10. (21) Typewriter 'Olivetti'
11. (126) Adding Machine
12. (127) Adding Machine.

**Tempat Lelong :**
Di-Pejabat Penchen2 Negara, Brunei.

**Tarikh dan Masa Lelong :**
11hb September, 1980 jam 8.00 pagi.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on 16th September 1980 for the construction and completion of :

PROPOSED FIRE STATION AND QUARTERS AT KUALA BELAIT.

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered wtih P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

3. Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants' Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than 10% of the submitted tender. This document must be submitted to the Quantity Surveyors during the tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.
4. Tender documents can be examined at and obtained from the office of the Quantity Surveyors : —

**Contract Services Consultants**
**Room 32, 4th Floor**
**Hongkong Bank Chambers**
**Jalan Chevalier/Sultan**
**Bandar Seri Begawan**
**Brunei**

from 27th August 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit required is $1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Quantity Surveyors. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
6. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and addresses of the tenderers on the envelopes.
7. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT, PROPOSED PHASE III EXTENSION AT OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 30th September, 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT, PROPOSED PHASE III EXTENSION AT OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI".
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 3rd September, 1980 onwards during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderers.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**ARMY WORK SERIA, SERGEANTS MESS AND SINGLE SOLDIERS ACCOMMODATION, MEDICINA LINES.**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building Bandar Seri Begawan, Brunei from PWD registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 16th September 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "ARMY WORK SERIA, SERGEANTS MESS AND SINGLE SOLDIERS ACCOMMODATION, MEDICINA LINES.
4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Monday 1st September 1980 during normal office hours.
6. The Tender Deposit will be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date. The amount shall be in Bank draft or cheque payable to the Government of Brunei.
6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to : —
   1) Produce documentary evidence that he is a PWD registered Class "A" contractor.
   2) Produce documentary evidence that he has compiled with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
   3) Produce a letter from his bank (the said bank being a well-known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank would be willing to furnish him with a banker's guarantee in accordance with the Conditions of Contract.
7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JAWATAN2 KOSONG BERGAJI HARI DI-JABATAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA

**JABATAN KERAJAAN**

**Jawatan**
1. BUROH (6 Kekosongan)

**Majikan**
Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.

**Tugas2-nya :**
Membersehkan kawasan2 dalam dan luar maktab tersebut.

2. BUROH

**Majikan**
Pusat Latehan Teknikal.

3. BUROH KASAR (2 Kekosongan)

**Majikan**
Jabatan Penjara Brunei.

**Tugas2-nya :**
Membersehkan kawasan rumah Penjara Jerudong dan lain2 tempat dan kerja saperti yang di-arahkan oleh Penguasa atau wakil-nya.

**SEKTOR SWASTA**

**Jawatan**
1. Sales Personnel Male/Female.

**Majikan**
Electrolux S.E.A. Private Ltd., Block B, No. 2, Chempaka, Shopping Complex, Mile 1, Jalan Tutong, Brunei.

Sharat2-nya dan tugas yang hendak di-kendalikan-nya:

a) Menjual barang2 yang di-keluarkan oleh sharikat ini.
b) Boleh bertutor Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Mempunyai Kenderaan.
d) Kelulusan sekurang2-nya Form 3.

**Jawatan**
2. Bill Collectors (4 Kekosongan)

**Majikan**
Block B, No 2, Chempaka Shopping Complex, Mile, 1 Jalan Tutong Brunei.

Sharat2-nya :
a) Faseh bertutor Bahasa Melayu dan Inggeris.
b) Mempunyai motor car atau motor cycle.
c) Chalun lelaki sahaja.

Kapada pemohon2 yang ingin untok memenohi jawatan2 yang tersebut di-atas, ada-lah di-pelawa hadhir ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan saberapa segera yang boleh dengan membawa bersama2 Kad Pengenalan, Kad Pendaftaran Buroh, Surat2 Pengakuan kebolehan untok rujokan.

## Pengadil di-Jabatan Kehakiman

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pengadil di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Peguambela atau Peguamchara yang mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama dua tahun sama ada sa-bagai Majistret atau dalam sharikat peguam. Pengetahuan dalam Bahasa Melayu ada-lah perlu tetapi tidak mustahak.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1975-2050-2125-2205-2285-2365-2445-2525-2610-2690-2775-2870-2965-3070-3175-3280/EB/3350-3445-3540-3640. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Oktober, 1980.

(E/38/75)
(Bil : 113/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 30th September 1980 for the construction and completion of :

CADET TRAINING ACCOMMODATION TUTONG CAMP, BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than $175,000.00 or 10% of the submitted tender, whichever is the greater. This document must be submitted to the Architects during the tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.

3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects :

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 JALAN CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

from Thursday 11th Septemday 1980 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is $2,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and address of the tenderer on the envelope.
6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tender from B.S.P. approved contractors for : —

1) CAT. 6 or 26 —
   TENDER No. SES/085-80
   Part 'A' : Cleaning of settler tanks
   Part 'B' : Overhaul of filters at Water Treating Plant
2) CAT. 14 —
   TENDER No. SSU/113-80
   Leasing of Light vehicles
3) CAT. 3 & 4 —
   TENDER No. LEN/125-80
   Construct concrete paving on the area for new LLG transfer facilities to BSP.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY OF TWO TIER BUNK BED — IRON — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. Saturday 13th September 1980.
2. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the Tenderers. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF TWO TIER BUNK BED IRON ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."
3. Quotation is requested for: Quantity forty (40) Two Tier Bunk Bed — Iron.
4. Enquiries on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Berakas Camp.

# JAGA NAMA BAIK DAN MASHARAKAT BRUNEI – S.U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 di-seberang laut terutama yang berada di-United Kingdom di-ingatkan, dalam menekmati kemudahan2 yang di-sediakan untok kesenangan mereka, jangan-lah hendak-nya sampai melalaikan mereka semua sahingga ka-perengkat hilang akal fikiran yang ada yang boleh menchemarkan imej masharakat Brunei.

Ingatan ini di-suarakan oleh Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap menutop rasmi Kursus Sivik Penuntut2 Brunei di-Seberang Laut pada hari Khamis lalu.

Yang Berhormat Pehin memberitahu bahawa sejak beliau masih menuntut dulu soal imej dan menjaga nama baik masharakat merupakan satu2-nya perkara yang sentiasa di-jaga dengan sifat2 'jealous' dan 'sensitif'.

Kerana kata-nya, waktu itu para penuntut sentiasa di-pesan oleh pemimpin2 negara yang menganggap bahawa penuntut2 merupakan duta yang tidak rasmi bagi negeri ini ketika berada di-luar negeri.

"Bererti burok baik tata-tertib dan kelakuan kami pada masa itu akan mencherminkan atau di-anggap pada mencherminkan oleh masharakat lain gambaran masharakat Brunei, apa-tah lagi waktu itu Brunei tidak begitu terkenal dan tidak banyak di-ketahui oleh masharakat-masharakat di-luar negeri", jelas Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Untok itu, Yang Berhormat penoh perchaya bahawa pesanan pemimpin-pemimpin negara ketika itu maseh boleh di-pakai hingga sekarang bagi mensifatkan penuntut-penuntut berkenaan sa-bagai duta tidak rasmi pada mencherminkan imej negara kita Brunei Darussalam.

Mereka tambah Yang Berhormat itu, merupakan orang yang terpileh bagi membayangkan masharakat Brunei yang penoh dengan sopan santun ke-Bruneian yang susah hendak di-tolok-bandingkan.

"Terutama sa-kali dalam menempoh sa-mula penchapaian kemerdekaan penoh negeri kita, kemerdekaan yang di-idam-idamkan sa-lama ini yang akan dapat mencherminkan kapada masharakat luar negeri dan istimewa yang belum mengetahui terhadap negara kita ini.

"Saya tujukan pesanan ini kapada seluroh penuntut Brunei di-luar negeri khusus kapada mereka yang berada di-United Kingdom pada mengenangkan apa yang telah berlaku baru2 ini di-kalangan penuntut2 Brunei di-London" ujar beliau.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan sijil kapada salah sa-orang peserta kursus.

## Semangat keselamatan patut terus di-tingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam zaman kemerdekaan Brunei 1983, bebanan dan chabaran2 yang di-hadapi oleh kita sangat-lah berat di-mana semua-nya itu memerlukan kita sekalian bukan sahaja lebeh berhati-hati malah patut lebeh mampu serta lengkap dengan keperluan-keperluan yang di-hajati.

Dalam hal ini semangat keselamatan saperti yang jelas sekarang ini patut terus di-tingkatkan oleh seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini, di-samping membangkitkan lagi rasa chinta dan tanggong-jawab untok mempertahankan serta menjunjong tinggi lunas2 bernegara dan berkerajaan.

Ini telah di-tegaskan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman demikian ketika beruchap di-majlis penutop rasmi kursus sivik bagi penuntut2 seberang laut kali kelima yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada petang Khamis yang lalu.

Kata-nya, kita sa-bagai raayat yang bertanggong-jawab dalam hal ehwal bernegara dan berkerajaan sa-memang-nya-lah patut menaroh minat dan berkesedaran tinggi terhadap masa depan kita dan keturunan kita dengan chara konstruktif.

Dalam hubongan ini, jelas beliau sa-lanjut-nya, minat serta kesedaran tersebut hendak-lah di-selaraskan dan di-sa-chochokkan dengan chara berfikir dan bertindak yang strateji dan sasaran-nya menepati segala aspek kepentingan perpaduan sa-genap tenaga dan kemantapan suasana aman dalam semua perengkat kehidupan.

"Dalam perengkat sekarang ini-lah kita hendak-nya menaroh keyakinan terhadap masa depan dalam negara yang merdeka dengan bersedia memikul bebanan tanggong-jawab yang lebeh bagi memenohi serta menepati erti kemerdekaan yang bukan bermakna kebebasan sa-larah2-nya dan bukan juga mesti bermakna memberikan rupa dan gaya serta chorak yang sa-kena2-nya tanpa mengukor menyukat yang di-padankan dengan keperluan2 ukoran saiz kita yang sebenar", ujar beliau.

Kerana itu apa pun yang di-jangkakan dari kemerdekaan itu nanti, tambah-nya lagi, kita hendak-nya-lah terus berkeyakinan bahawa kita sendiri tidak akan mensia-siakan masa depan kita dan keturunan kita.

"Dan alhamdulillah memang-nya sudah di-ketahui bahawa bukan-lah rasmi kita orang2 Brunei turun-temurun mensia-siakan sa-suatu yang kita mileki dalam bernegara dan berkerajaan. Bokti-nya kemerdekaan itu sendiri, yang mana ia-nya di-chapai sa-mula di-zaman kita ini yang sa-memang-nya milek warithan kita yang sangat berharga", jelas-nya.

Beliau menambah, dalam menchapai dan setelah menjawat atau menatang-nya nanti, kita tidak-lah akan terdurong menjadi seperti 'Si-Pugut' dan 'Si-Bandan', jauh sa-kali dari berperangai saperti tikus membaiki labu.



Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar bersabda merasmikan Expo Pertanian '80.

## Bidang pertanian dapat menjamin keluarga dan masharakat

Dari muka 1

Kerajaan juga, sabda Yang Amat Mulia Pengiran Speaker bersungguh2 pada menjalankan usaha untok melateh kaki-tangan2-nya yang akan menjadi kaum2 tani dan sa-bahagian daripada-nya telah pun di-tempatkan di-ladang2 yang mana petani-petani itu akan terus berhidup dengan tumpuan pertanian dan ternakan.

"Insha Allah mereka itu akan dapat memboktikan sa-chara praktik betapa benar dan sa-sunggoh-nya bidang pertanian dan dengan izin Allah dapat menjamin keluarga di-negeri ini ia-itu berhidup dengan makmor serta harmoni dari hasil2 yang di-perlihatkan", sabda Yang Amat Mulia sa-terus-nya.

Bagi kita sa-balek-nya pula, sabda-nya lagi, peranan yang kita mainkan ia-lah pada memberikan sokongan moral supaya mereka itu akan menchapai kejayaan yang gemilang semata-mata untok kepentingan keluarga itu khusus-nya dan masharakat am-nya.

Menyentoh mengenai dengan Expo Pertanian pada hari itu, Yang Amat Mulia bersabda, bahawa pertunjokkan tersebut ada-lah merupakan satu 'elestration' yang menunjokkan berbagai-bagai jenis pertanian yang di-usahakan oleh seluroh pelusok petani-petani tanah ayer melalui hasil2 bumi yang halal.

"Hasil2 yang di-pertunjokkan hari ini yang kebanyakkan-nya di-usahakan sa-chara sambilan sahaja jika sa-sunggoh-nya di-benar-benari saya penoh yakin apa yang di-pertunjokkan hari ini akan dapat di-'juntrahkan' di-pasar2 di-daerah2 di-seluroh negeri sa-bagai satu chorak hidup yang biasa sa-tiap hari", tambah Yang Amat Mulia itu lagi.

Hanya soal-nya, di-antara yakin atau pun tidak kerana dalam bidang ini kena pada tempat-nya pepatah yang berbunyi 'Jika hendak sa-ribu daya jika tak hendak sa-ribu daleh' dan 'di-mana ada kemahuan dengan izin Allah di-sana ada jalan-nya', jelas Yang Amat Mulia.

Terdahulu dalam sabda-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker menjelaskan bahawa Expo Pertanian itu di-adakan ada-lah bertujuan untok meyakinkan masharakat am-nya dan khusus-nya kapada kaum tani pada menunjokkan usaha bertani itu dapat menjamin kehidupan sa-suatu keluarga atau masharakat.

Turut memberikan uchapan di-upachara itu termasok-lah Pengarah Pertanian, Dato Hamid bin Jaafar dan Pengerusi Expo Pertanian, Awang Abu. Bakar bin Abd. Rahman. Thema Expo tersebut ia-lah "BERTANI KA-ARAH MENJAMIN KEHIDUPAN".

Antara yang hadhir di-majlis itu ia-lah Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Pegawai Kewangan Negara, Timbalan Pengarah Pertanian, Pemangku Pengarah Pelajaran serta lain2 pegawai2 kanan kerajaan.

## Keputusan peraduan menulis Sekerip Drama Talivishen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Menulis Sekerip Drama Talivishen yang di-anjorkan sejak Mei tahun ini telah selesai di-hakimkan. Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Drama telah melantek tiga orang Penal Hakim untok menghakimkan peraduan tersebut. Tiga orang Penal Hakim itu terdiri daripada Awang Abdul Wahab Mohammad dari Radio Talivishen Brunei, Awang Haji Mohd Murad bin Abang Ali dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, dan Awang Matussin bin Omar dari Jabatan Muzium.

Jawatankuasa tersebut telah menerima sa-banyak 23 sekerip drama talivishen. Keputusan penoh peraduan tersebut ada-lah saperti berikut:

Hadiah Pertama yang bernilai $600.00 telah di-menangi oleh Awang Magon bin Haji Ghafar dari Majlis Pelajaran dengan drama-nya yang bertajok "Menchari Ibu". Hadiah kedua yang bernilai $500 di-menangi oleh Awang Masri bin Haji Akip dari Maktab SOAS dengan drama-nya yang bertajok "Kedekut", sementara Hadiah Ketiga yang bernilai $400.00 di-menangi oleh Ak Aji bin Pg Md Tahir dari Sekolah Melayu Dato Godam dengan drama-nya yang bertajok "Anak Petani".

Tiga Hadiah Penghargaan yang masing2 bernilai $300.00 sa-tiap satu masing2 telah di-menangi oleh —

Dk. Norimah bte Pg Haji Tuah dengan drama yang bertajok "Mengapa Di-sayang".

Awang Morsidi bin Muhammad dengan drama yang bertajok "Pertemuan".

Awang Bahmin bin Hamdan dengan drama yang bertajok "Kikek Putus Teraju".

Majlis Penyampaian Hadiah di-jangka akan di-adakan pada pertengahan bulan Nobember tahun ini ketika Sambutan Tahun Hijrah 1401 di-adakan di-negeri ini.

## Jaga kesopanan dan tingkah-laku keBruneian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 yang sekarang ini sedang belajar di-seberang laut ada-lah di-harapkan supaya sentiasa menjaga kesopanan dan tingkah laku ke-Bruneian sa-waktu berada di-luar negeri.

Ini memandangkan negara kita Brunei yang terchinta ini memerlukan tenaga pemimpin yang berilmu dan beriman bakal pemimpin hari esok.

Harapan ini di-suarakan oleh Awang Abdul Kadir, sa-laku wakil peserta Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kali Kelima, ketika beruchap di-Majlis Penutop Kursus yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini Khamis lepas.

Menurut-nya lagi, aktibiti-aktibiti yang telah di-susun di-sepanjang kursus tersebut telah banyak memberikan pengalaman serta tunjok ajar yang sangat berguna bagi mendurong serta memimpin ka-jalan yang lurus lagi bijaksana.

"Saya berharap kapada rakan2 peserta kursus sekalian agar jangan-lah sa-takat di-sini sahaja bis-kita memahami atau menyedari perkara2 yang berfaedah itu" jelas-nya lagi.

Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kali Kelima itu telah di-tutop rasmi oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Di-sepanjang kursus, sa-lain dari mendengar cheramah2, penuntut2 itu juga di-bawa melawat ka-rumah panjang di-Daerah Temburong di-samping membuat kerja2 kebajikan dan sokan kechil.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.